


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI TERENGGANU

SIRI 3






LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI TERENGGANU

SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU Pengurusan Pangsapuri Ladang Gemilang	3
PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA MAJLIS DAERAH SETIU Program Penyenggaraan Jalan Negeri	31
PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU Pertima Terengganu Sdn. Bhd.	51
PENUTUP	73



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5 (1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (Pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Terengganu.

2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk di bentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 3 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 1 manakala 2 aktiviti dan satu pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3 ini pula melaporkan 2 aktiviti iaitu Pengurusan Pangsapuri Ladang Gemilang dan Program Penyenggaraan Jalan Negeri serta satu pengurusan syarikat iaitu Pertama Terengganu Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.




(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

3 Oktober 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU - Pengurusan Pangsapuri Ladang Gemilang

1.1. Objektif Pangsapuri Ladang Gemilang dibina adalah untuk membangunkan penempatan baru bagi memindahkan penduduk-penduduk yang terlibat dengan cadangan pembangunan kawasan di antara Hotel Grand Continental dengan Hotel Primula, Kuala Terengganu. Projek pangsapuri ini terdiri dari 2 fasa iaitu Ladang Gemilang I (LGI) dan Ladang Gemilang II (LGII) dibina di atas tanah seluas 4.91 ekar. Projek Pangsapuri LGI merupakan Projek Perumahan Pangsapuri Kos Sederhana 11 Tingkat (88 Unit) Dan Pangsapuri Kos Rendah 16 Tingkat (192 Unit) Termasuk Sebuah Surau 2 Tingkat Dan Pondok Pengawal dengan pembiayaan sejumlah RM41.18 juta melalui peruntukan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT). Manakala Projek Pangsapuri LGII pula merupakan Projek Perumahan Pangsapuri Kos Rendah 12 Tingkat (192 Unit) Termasuk 5 Unit Kedai Dan 6 Tingkat Tempat Letak Kereta Bertingkat dengan kos pembinaan berjumlah RM42.30 juta pula dibiayai oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pejabat SUK).

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Pangsapuri Ladang Gemilang adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pembayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.
- Kualiti kerja yang tidak memuaskan.
- Reka bentuk tidak sesuai.
- Pelantikan khidmat kawalan keselamatan tidak teratur.

1.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan LTAWNT, Pejabat SUK dan PMINT mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1.3.1. Kerajaan Negeri perlu membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah hak milik pangsapuri dengan segera untuk memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan penyewa terpelihara.

1.3.2. LTAWNT dan Pejabat SUK perlu berdialog dengan penghuni bagi mengkaji sebab-sebab berlakunya tunggakan sewa dan mengenal pasti langkah penyelesaian terhadap penghuni yang tidak berkemampuan.

1.3.3. LTAWNT dan Pejabat SUK perlu menuntut kembali wang daripada kontraktor dan syarikat bagi kerja yang tidak dilaksanakan dan perkhidmatan yang terlebih bayar.

1.3.4. PMINT perlu melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara efektif terhadap kerja binaan supaya kemas dan kualiti kerja menepati standard yang ditetapkan dalam kontrak.

1.3.5. PMINT perlu memastikan komunikasi dan koordinasi antara Perunding Arkitek dan Mekanikal dipertingkatkan bagi mengelakkan kelemahan reka bentuk berulang dalam projek lain di masa akan datang.

1.3.6. PMINT dan Pejabat SUK perlu memastikan setiap perolehan khidmat kawalan keselamatan mematuhi peraturan dan perjanjian hendaklah disediakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan syarikat.

2. PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA

MAJLIS DAERAH SETIU

- Program Penyenggaraan Jalan Negeri

2.1. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS). Berdasarkan kepada MARRIS, panjang rangkaian jalan negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2012 negeri Terengganu adalah 6,295.60 kilometer (km). Jalan negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf (*standard*); jalan *sub-standard*; jalan kawasan perumahan kos rendah; jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Selain daripada pemberian Kerajaan Persekutuan, jalan negeri juga disenggarakan dengan menggunakan dana Kerajaan Negeri. Kedua-dua sumber kewangan penyenggaraan jalan negeri ini diperakaunkan dalam Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Bagi tahun 2010 hingga 2012, Wang Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang diterima berjumlah RM345.8 juta dan sejumlah RM306.2 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri yang dibahagikan kepada 3 jenis iaitu penyenggaraan berkala, biasa dan kecemasan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan negeri adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan terdapat beberapa kelemahan yang ketara antaranya:

- Kos senggaraan jalan berkala melebihi had kontrak.
- Kualiti kerja penyenggaraan jalan kurang memuaskan.

2.3. Bagi memastikan Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri sentiasa disenggarakan mengikut keperluan, pihak terlibat perlu memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

2.3.1. JKR perlu membuat pemantauan terhadap pelaksanaan kerja oleh Syarikat Konsesi dan *Notification Of Defect* (NOD) perlu dijalankan dengan lebih terperinci sebelum perancangan program dirangka.

2.3.2. Pegawai Kewangan Negeri perlu menjelaskan kepada agensi pelaksana tujuan asal peruntukan MARRIS dan mengeluarkan garis panduan tentang perbelanjaan yang dibenarkan supaya tidak berlaku penyalahgunaan.

2.3.3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan) perlu lebih proaktif memantau pelaksanaan program.

2.3.4. Agensi Pelaksana hendaklah memberi keutamaan terhadap jalan rosak dan belum disenggarakan dalam perancangan penyenggaraan dan hendaklah memperbaiki jalan yang rosak bagi mengelak kerosakan struktur *pavement* secara menyeluruh yang memerlukan pembinaan semula (*reconstruction*).

2.3.5. JKR perlu mengambil tindakan susulan terhadap kes kecemasan mengikut keperluan.

3. PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

- Pertama Terengganu Sdn. Bhd.

3.1. Pertama Terengganu Sdn. Bhd. (PTSB) merupakan anak syarikat milik penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). PTSB diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 Mac 1972 dengan modal saham dibenarkan sejumlah RM10 juta dan modal berbayar sejumlah RM7.4 juta. PTSB menjalankan aktiviti utamanya dalam memproses, mengetin dan memasarkan barangan dalam tin seperti sardin, kari ayam, sambal bilis dan lain-lain.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan PTSB adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan semasa bagi tempoh 5 tahun. Justeru kerugian terkumpul telah berkurangan pada setiap tahun iaitu dari RM16.31 juta pada tahun 2008 menjadi RM11.28 juta pada tahun 2012. Namun begitu, analisis nisbah mendapati prestasi kewangan adalah kurang memuaskan yang melibatkan masalah kecairan, margin keuntungan yang rendah dan kemampuan bayaran hutang yang rendah. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat juga

kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti di bawah:

- Hasil keluaran kilang tidak menepati sasaran.
- Pembaziran dalam operasi.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kurang memuaskan.
- Bayaran bonus tidak mendapat kelulusan Agensi Induk.
- *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak menyeluruh.
- Kawalan pendapatan dan perbelanjaan kurang memuaskan.
- Pengurusan aset tidak memuaskan.

3.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan adalah disyorkan supaya pengurusan PTSB mengambil tindakan seperti berikut:


3.3.1 Meningkatkan pengeluaran dan mempelbagaikan produk bagi meningkatkan pendapatan.

3.3.2. Mempertingkatkan aktiviti promosi dan pemasaran secara menyeluruh dan mempelbagaikan kaedah promosi bagi tujuan meningkatkan penjualan supaya dapat meningkatkan pendapatan dan keuntungan syarikat.

3.3.3. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

3.3.4. Mengemas kini dan mematuhi prosedur kerja sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

3.3.5. Membuat penyeliaan dan pemantauan terhadap perkara-perkara berkaitan tadbir urus pengurusan kewangan terutamanya aspek kawalan pendapatan dan kawalan perbelanjaan.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

1. PENGURUSAN PANGSAPURI LADANG GEMILANG

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Objektif Pangsapuri Ladang Gemilang dibina adalah untuk membangunkan penempatan baru bagi memindahkan penduduk-penduduk yang terlibat dengan cadangan pembangunan kawasan di antara Hotel Grand Continental dengan Hotel Primula, Kuala Terengganu. Projek pangsapuri ini terdiri dari 2 fasa iaitu Ladang Gemilang I (LGI) dan Ladang Gemilang II (LGII) dibina di atas tanah seluas 4.91 ekar. Projek Pangsapuri LGI merupakan Projek Perumahan Pangsapuri Kos Sederhana 11 Tingkat (88 Unit) Dan Pangsapuri Kos Rendah 16 Tingkat (192 Unit) Termasuk Sebuah Surau 2 Tingkat Dan Pondok Pengawal dengan pembiayaan sejumlah RM41.18 juta melalui peruntukan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT). Manakala Projek Pangsapuri LGII pula merupakan Projek Perumahan Pangsapuri Kos Rendah 12 Tingkat (192 Unit) Termasuk 5 Unit Kedai Dan 6 Tingkat Tempat Letak Kereta Bertingkat dengan kos pembinaan berjumlah RM42.30 juta pula dibiayai oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pejabat SUK). Kedua-dua projek masing-masing telah siap dibina pada 30 April 2010 dan 31 Ogos 2011. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Pangsapuri LGI dan LGII masing-masing bermula pada 1 Mei 2010 hingga 30 April 2012 dan 1 September 2011 hingga 31 Ogos 2013. **Jadual 1.1** menunjukkan maklumat terperinci pangsapuri berkenaan.

Jadual 1.1
Pangsapuri Ladang Gemilang I Dan II

Pangsapuri	Jenis	Kos Keseluruhan Projek (RM Juta)	Pemilik Projek	Pengarah Projek	Tarikh Perakuan Siap Dan Pematuhan
Ladang Gemilang I	Kos Rendah	41.18	LTAWNT	PMINT	04.05.2010
	Kos Sederhana				
Ladang Gemilang II	Kos Rendah	42.30	Pejabat SUK	PMINT	01.10.2012

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

1.1.2. Urusan pembinaan pangsapuri, pengurusan sewa dan penyenggaraan pangsapuri adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Bagi pemilihan penyewa, satu Jawatankuasa Pemilihan Penyewa telah diwujudkan untuk membuat keputusan pemilihan penyewa berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan dianggotai oleh wakil

dari LTAWNT, Pejabat SUK, PMINT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Pegawai Pembangunan DUN Ladang dan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung. **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.3** menunjukkan pangsapuri berkenaan.

Gambar 1.1
Pangsapuri Kos Rendah
Ladang Gemilang I



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 Ogos 2013

Gambar 1.2
Pangsapuri Kos Sederhana
Ladang Gemilang I



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013



Gambar 1.3
Pangsapuri Kos Rendah
Ladang Gemilang II

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Pangsapuri Ladang Gemilang telah mencapai matlamat yang ditetapkan dan telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pangsapuri dari aspek keperluan, pembinaan, penyenggaraan, penyewaan, kemudahan, keselamatan, pemilikan sehingga pengagihan unit Pangsapuri Ladang Gemilang dari tahun 2007 hingga Ogos 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di LTAWNT, Unit Perumahan (Pejabat SUK), PMINT dan MBKT. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan ke pangsapuri juga telah dilakukan. Soal selidik telah diedarkan kepada penghuni bagi

mendapatkan maklum balas berkaitan dengan tahap kepuasan penghuni di pangsapuri tersebut.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Pangsapuri Ladang Gemilang adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pembayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.
- Kualiti kerja yang tidak memuaskan.
- Reka bentuk tidak sesuai.
- Pelantikan khidmat kawalan keselamatan tidak teratur.

1.4.1. Prestasi Pengisian Dan Kedudukan Tunggakan Sewa

1.4.1.1. Prestasi Pengisian

- Penduduk yang terlibat dengan perpindahan ke Pangsapuri Ladang Gemilang ialah dari Kampung Ladang Tok Pelam, Kampung Ladang Sekolah dan Kampung Ladang Tanjung yang melibatkan 245 lot tanah seperti di **Jadual 1.2**. Kampung terlibat akan dibangunkan di bawah projek pembangunan semula bandar Kuala Terengganu dan kawasan tersebut telah dibuat pengambilan tanah. Setakat bulan Ogos 2013, sejumlah 246 daripada 472 (52.1%) unit pangsapuri telah diduduki seperti di **Jadual 1.3**. Bagaimanapun, masih terdapat kekosongan unit pangsapuri sejumlah 226 unit iaitu 58 unit di Pangsapuri LGI dan 168 unit di Pangsapuri LGII. Kekosongan unit tersebut terutamanya di Pangsapuri LGII adalah disebabkan pembayaran pampasan kepada penduduk Kampung Ladang Tanjung masih belum selesai.

Jadual 1.2

Kawasan Yang Terlibat Dengan Perpindahan Ke Pangsapuri Ladang Gemilang

Kawasan Pengambilan Tanah	Jumlah Lot	Bilangan Pihak Yang Berkepentingan	Kos Pengambilan Tanah (RM Juta)
Kampung Ladang Tok Pelam	51	509	76.73
Kampung Ladang Sekolah	11	113	12.82
Kampung Ladang Tanjung	109	854	173.12
	74	Belum Selesai *	Belum Selesai *
Jumlah	245	1,476	262.67

Sumber: Borang G (Bayaran Pampasan) - Pejabat Tanah Kuala Terengganu
 Nota: * - Bayaran pampasan belum selesai setakat bulan Ogos 2013.

Jadual 1.3
Status Pengisian Pangsapuri Ladang Gemilang

Pangsapuri	Jenis	Jumlah Unit Pangsapuri	Jumlah Unit Diduduki *	Kekosongan	
				Unit	%
Ladang Gemilang I	Kos Rendah	192	174	18	9.38
	Kos Sederhana	88	48	40	45.45
Ladang Gemilang II	Kos Rendah	192	24	168	87.50
Jumlah		472	246	226	47.88

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota: * - Setakat bulan Ogos 2013.

- b. Berdasarkan perjanjian sewa yang dimeterai antara penyewa dan PMINT, tempoh sewaan adalah selama 3 tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani. Hasil analisis Audit terhadap soal selidik yang diedarkan menunjukkan kebanyakan penghuni masih keliru dengan status hak milik rumah tersebut kerana di dalam perjanjian tidak dinyatakan dengan jelas kedudukan mereka selepas tempoh sewaan berakhir. Semakan Audit mendapati, majoriti penyewa akan menjangkau tempoh matang pada bulan Oktober 2013 terutamanya bagi penghuni di Pangsapuri LGI. Temu bual Audit bersama Setiausaha LTAWNT pada 11 Julai 2013 memaklumkan secara rasminya belum ada arahan daripada Kerajaan Negeri untuk menjual pangsapuri tersebut dan masih mengekalkannya sebagai sewa dan transit. **Berdasarkan maklum balas LTAWNT bertarikh 29 September 2013, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah bersetuju memberi keutamaan untuk menjual terus Pangsapuri Ladang Gemilang kepada penghuni yang mempunyai tanah asal semasa pengambilan tanah.**
- c. Lawatan Audit ke Pangsapuri LGI dan LGII mendapati ada penghuni telah membuat pengubahsuaian terhadap rumah yang disewa kerana mereka beranggapan rumah tersebut akan dijual kepada mereka. Antara pengubahsuaian yang dilakukan seperti di **Gambar 1.4** dan **Gambar 1.5**. Keadaan ini berlaku kerana penerangan awal berkaitan penyewaan dan pemilikan rumah tersebut tidak dimaklumkan secara terperinci kepada bakal penyewa sama ada secara lisan atau bertulis. **Berdasarkan maklum balas LTAWNT dan PMINT bertarikh 29 September 2013, para penghuni telah diberi penerangan terperinci tentang tanggungjawab penyewa dalam semua aspek sewaan termasuk larangan pengubahsuaian rumah di Pangsapuri LG II kecuali pemasangan jeriji besi yang dibenarkan. PMINT telah mengeluarkan surat kepada semua penghuni berkenaan larangan pengubahsuaian rumah.**

Gambar 1.4
Rumah Diubahsui Dan
Dipasang Tiles



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 4 Julai 2013

Gambar 1.5
Tingkap Ditukar Dan Dipasang
Jeriji Aluminium



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 30 Jun 2013

Pada pendapat Audit, pembinaan Pangsapuri Ladang Gemilang telah mencapai matlamat yang ditetapkan kerana Kerajaan Negeri telah membangunkan penempatan bagi penduduk yang terlibat dengan projek pembangunan semula kawasan bandar Kuala Terengganu. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah hak milik pangsapuri dengan segera untuk memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan penyewa terpelihara.

1.4.1.2. Kedudukan Tunggakan Sewa

- a. Kadar sewa bagi Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana bagi LGI serta Pangsapuri Kos Rendah, LGII adalah termasuk kos penyenggaraan seperti di **Jadual 1.4**. Berdasarkan Laporan Tunggakan Sewa, kedudukan tunggakan sewa setakat bulan Ogos 2013 adalah sejumlah RM559,635 seperti di **Jadual 1.5**. Jumlah tunggakan sewa yang paling tinggi adalah melibatkan tempoh tunggakan sewa antara 13 hingga 24 bulan iaitu sejumlah RM278,674 seperti di **Jadual 1.6**. Bagi penghuni yang gagal menjelaskan tunggakan sewa, pihak PMINT telah mengeluarkan notis dan mengenakan tindakan mengunci meter air untuk mengatasi tunggakan sewa yang berterusan.

Jadual 1.4
Kadar Sewa Bagi Pangsapuri Ladang Gemilang

Pangsapuri	Jenis	Kadar Sewa		
		Kos Sewa (RM)	Kos Penyenggaraan (RM)	Jumlah Sewa (RM)
Ladang Gemilang I	Kos Rendah	220	80	300
	Kos Sederhana	700	150	850
Ladang Gemilang II	Kos Rendah	240	80	320

Sumber: Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu

Jadual 1.5
Tunggakan Sewa Bagi Pangsapuri Ladang Gemilang

Pangsapuri	Jenis	Bilangan Penyewa	Jumlah Tunggakan Sewa * (RM)
Ladang Gemilang I	Kos Rendah	145	450,125
	Kos Sederhana	30	107,590
Ladang Gemilang II	Kos Rendah	4	1,920
Jumlah		179	559,635

Sumber: Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu

Nota: * - Tunggakan sewa setakat bulan Ogos 2013.

Jadual 1.6
Pengumuman Tunggakan Sewa Bagi Pangsapuri Ladang Gemilang Setakat Bulan Ogos 2013

Pangsapuri	Jenis	Tunggakan/Bulan					Jumlah (RM)
		1 - 3 (RM)	4 - 6 (RM)	7 - 12 (RM)	13 - 24 (RM)	Lebih 24 (RM)	
Ladang Gemilang I	Kos Rendah	22,313	19,850	103,288	254,024	50,650	450,125
	Kos Sederhana	29,690	11,900	41,350	24,650	-	107,590
Ladang Gemilang II	Kos Rendah	1,920	-	-	-	-	1,920
Jumlah		53,923	31,750	144,638	278,674	50,650	559,635

Sumber: Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu

- b. Pihak Audit telah dimaklumkan oleh pegawai di Jabatan Korporat, Kemasyarakatan Dan Kualiti, MBKT bahawa pada tahun 2012, seramai 5 orang penghuni telah layak menerima Bantuan Sewa Rumah (e-Kasih) daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Manakala pada tahun 2013, hanya 2 orang penghuni yang layak menerima bantuan tersebut. Bagaimanapun, bantuan tersebut adalah tidak berterusan dan hanya dibayar untuk tahun yang diluluskan sahaja kerana ianya bergantung kepada status kemiskinan semasa pemohon tersebut dalam e-Kasih sama ada dikategorikan sebagai miskin, miskin tegar, mudah miskin atau terkeluar dari garisan kemiskinan. **Jadual 1.7** menunjukkan status terkini penghuni pangsapuri yang berdaftar dengan e-Kasih setakat bulan Julai 2013. Di samping itu, terdapat juga penghuni yang menerima Bantuan Wang Zakat daripada MAIDAM bagi menjelaskan tunggakan sewa rumah.

Jadual 1.7
Status Terkini e-Kasih Bagi Penghuni Pangsapuri Setakat Bulan Julai 2013

Pangsapuri	Jenis	Status e-Kasih			
		Miskin	Miskin Tegar	Mudah Miskin	Terkeluar Dari Garisan Kemiskinan
Ladang Gemilang I	Kos Rendah	18	-	12	33
	Kos Sederhana	-	-	1	2
Ladang Gemilang II	Kos Rendah	3	-	2	5
Jumlah		21	-	15	40

Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri

- c. Berdasarkan analisis Audit terhadap soal selidik yang diedarkan kepada penghuni mendapati tunggakan sewa ini berlaku disebabkan ketidakmampuan penghuni yang kebanyakannya terdiri daripada warga tua, berpendapatan rendah, bekerja sendiri, penghuni yang bergantung hidup kepada duit pampasan pengambilan tanah yang diterima bagi menyara hidup dan sumbangan anak-anak. Di samping itu, maklum balas yang diterima juga menunjukkan penghuni tidak jelas tentang bantuan sewa rumah e-Kasih yang dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri. Kesannya, tunggakan sewa akan berterusan disebabkan ketidakmampuan penghuni yang sentiasa mengharapkan bantuan sewa rumah e-Kasih daripada Kerajaan Negeri.
- d. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, PMINT sentiasa memantau tunggakan sewa bagi penyewa di Pangsapuri Ladang Gemilang dan satu perbincangan dengan Kerajaan Negeri akan diadakan untuk menentukan tindakan selanjutnya terhadap penghuni yang tidak berkemampuan untuk membayar tunggakan sewa.**

Pada pendapat Audit, LTAWNT dan Pejabat SUK perlu berdialog dengan penghuni bagi mengkaji sebab-sebab berlakunya tunggakan sewa dan mengenal pasti langkah penyelesaian terhadap penghuni yang tidak berkemampuan.

1.4.2. Pembayaran Dibuat Terhadap Kerja Yang Tidak Dilaksanakan

Kemajuan kerja yang dilaksanakan hendaklah diperakui dan disemak dengan betul sebelum sesuatu pembayaran dibuat. Hasil semakan Audit mendapati beberapa perkara seperti berikut:

1.4.2.1. Pondok Pengawal Tidak Dibina

- a. Pemeriksaan Audit pada 25 Julai 2013 dan 1 Ogos 2013 ke Pangsapuri Kos Rendah, LGII mendapati tidak ada pondok pengawal dibina di sekitar kawasan pangsapuri tersebut sedangkan bayaran sepenuhnya telah dibuat melalui baucar bayaran no. V0009776 bertarikh 19 Disember 2011 terhadap bayaran kemajuan kerja no. 21. Berdasarkan baucar tersebut, kontraktor telah menuntut bayaran binaan sejumlah RM22,000 bagi menyiapkan sebuah pondok pengawal berukuran 3,000mm (P) x 3,000mm (L) x 3,000mm (T). Semakan selanjutnya menunjukkan dalam setiap bayaran yang dituntut sebelumnya melalui *Bill Of Quantity* mencatatkan kemajuan kerja dari semasa ke semasa bagi pembinaan pondok pengawal berkenaan. Tinjauan Audit mendapati Pengawal Keselamatan telah ditempatkan berhampiran lif pangsapuri dengan hanya disediakan kemudahan meja dan kerusi seperti di **Gambar 1.6**. Manakala di laluan masuk ke pangsapuri pula tidak disediakan pondok pengawal seperti di **Gambar 1.7**. Keadaan ini berlaku disebabkan pengesahan kerja dibuat tanpa lawatan ke lokasi. Ini menyebabkan bayaran telah dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.

Gambar 1.6
Tempat Bertugas Pengawal Keselamatan
Yang Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.7
Laluan Masuk Ke Pangsapuri Tidak
Disediakan Pondok Pengawal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 Ogos 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 7 Oktober 2013, PMINT mendapati pihak kontraktor telah menunaikan obligasinya dalam pembinaan *ancillary building* sebagaimana di dalam lukisan kontrak AHS/010/323/001 dan berhak dibayar dengan harga yang telah dipersetujui sebagaimana di dalam *Contract Sum Analysis*. Kesilapan di dalam butiran bayaran interim perlu diperbetulkan kerana perakuan bayaran interim hanya merupakan perakuan sementara dan bukan muktamad. Pengarah Projek berhak untuk menyemak semula dan membuat pembetulan ke atas perakuan interim yang seterusnya atau semasa penyediaan Perakuan Muktamad. Rujukan dibuat kepada Klausula 53.1 Syarat-syarat Kontrak bagi projek ini yang bermaksud hanya kerja-kerja yang sejajar dengan kontrak sahaja yang boleh diambil kira dalam penilaian kerja untuk dibayar, sekiranya Pengarah Projek telah secara silap mengambilkira kerja yang tidak sejajar dengan kontrak, beliau bertanggungjawab untuk membetulkannya di dalam perakuan bayaran berikutnya.**

1.4.2.2. Nosing Tiles Tidak Dipasang

- a. Berdasarkan dokumen kontrak, kontraktor hendaklah memasang *nosing tiles* pada hujung anak tangga bagi Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana bagi LGI. Jumlah pukal bagi pembinaan anak tangga tersebut masing-masing sejumlah RM68,789 dan RM71,150. Pemeriksaan Audit bersama pegawai PMINT pada 2 Julai 2013, 3 Julai 2013 dan 25 Julai 2013 ke Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana bagi LGI mendapati anak tangga di kedua pangsapuri tersebut tidak dipasang *nosing tiles* seperti di **Gambar 1.8** dan **Gambar 1.9**. Kegagalan pegawai terlibat dalam melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara terperinci telah menyebabkan kontraktor tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak.

Gambar 1.8
Nosing Tiles Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.9
Nosing Tiles Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 2 Julai 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, perubahan kemasin tangga daripada nosing tiles kepada groove lines diluluskan semasa rundingan perubahan kerja. Bagaimanapun, dokumen perubahan kerja tersebut tidak dapat dikesan dan oleh yang demikian dari segi pematuhan syarat-syarat kontrak, kontraktor telah gagal melaksanakan kerja pembinaan mengikut kontrak. Dengan ini, kontraktor masih lagi terikat dengan kontrak asal sebagaimana ditetapkan dalam syarat-syarat kontrak reka dan bina di bawah klausa 49 - *Unfulfilled Obligations* dan kontraktor bertanggungjawab untuk membayar balik. Penilaian telah dibuat oleh perunding Juruukur Bahan mengenai perbezaan harga kedua-dua kerja kemasin tangga tersebut melibatkan pengurangan harga sebanyak RM17,550 dan pertambahan harga sebanyak RM7,800. Pembayaran oleh kontraktor kepada LTAWNT sejumlah RM9,750 telah dibuat pada 25 September 2013.**

1.4.2.3. Kawasan Lapang Untuk Rekreasi Tidak Disediakan

- a. Jabatan Perancangan Pembangunan, MBKT menekankan bahawa kawasan lapang mempunyai fungsi yang penting dalam kehidupan penduduk bandar dari segi fizikal dan mental. Ia amat penting bagi penghuni di kawasan berdensiti tinggi sebagai tempat untuk melegakan fikiran, keseimbangan dalam kehidupan, memberi peluang untuk mengurangkan tekanan emosi, mencari ketenangan, mengurangkan keletihan, tempat untuk berinteraksi, mengadakan perhubungan sosial dan menjalinkan hubungan silaturahim. Di samping itu, Bahagian Pengindahan & Senitaman, MBKT pada 23 Mac 2010 telah meluluskan pelan landskap bernombor PRP 1006/PI/01 bagi projek pembinaan Pangsapuri Kos Rendah, LGII dengan mensyaratkan beberapa perkara iaitu pihak kontraktor perlu menyediakan 4 buah bangku taman, menyediakan 2 buah tong sampah, menyediakan laluan pejalan kaki/jogging track dan menyediakan gelanggang serba guna.

- b. Berdasarkan surat kontraktor bertarikh 16 Mac 2010, tapak binaan landskap tersebut adalah seperti di **Gambar 1.10**. Bagaimanapun, disebabkan pindaan pelan, sebahagian kecil kawasan tersebut telah dibina tangki air dan rumah pam bagi Pangsapuri Kos Rendah, LGII. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 19 Disember 2011, pihak PMINT juga telah mengemukakan kepada Bahagian Pengindahan & Senitaman, MBKT bagi permohonan penangguhan pemasangan alatan permainan kanak-kanak sehingga selesai proses penyerahan rumah kepada penghuni. Pemeriksaan Audit pada 30 Jun 2013 dan 2 Julai 2013 mendapati, tidak ada binaan landskap disediakan di kawasan tersebut dan sekitarnya telah ditumbuhi semak samun seperti di **Gambar 1.12**. Sehingga tarikh lawatan Audit, tidak ada bukti menunjukkan peralatan permainan tersebut telah dipasang. Kesannya, penghuni tidak mempunyai tempat untuk melakukan aktiviti sosial dan beriadah. Bagaimanapun setelah teguran Audit, tapak kawasan lapang tersebut telah dibersihkan dan dipasang peralatan permainan seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.13**.

Gambar 1.10
Tapak Kawasan Lapang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Kawasan Lapang, Pangsapuri
Ladang Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 30 Jun 2013

Gambar 1.11
**Tapak Kawasan Lapang Telah
Dipasang Peralatan Permainan**



Sumber: PMINT
Lokasi: Tapak Kawasan Lapang, Pangsapuri
Ladang Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 26 September 2013

Gambar 1.12
Tapak Kawasan Lapang Ditumbuhi
Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Kawasan Lapang, Pangsapuri
Ladang Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 1.13
Tapak Kawasan Lapang
Yang Telah Dibersihkan



Sumber: PMINT
Lokasi: Tapak Kawasan Lapang, Pangsapuri
Ladang Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 26 September 2013


- c. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, pemasangan alat permainan dan bangku-bangku ditangguhkan sehingga selesai proses penyerahan rumah kepada penghuni bagi mengelak berlakunya gejala vandalisme. Bagaimanapun, kerja-kerja pemasangan peralatan permainan dan bangku telah disempurnakan pada 25 September 2013.**

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu memastikan pondok pengawal disediakan oleh pihak kontraktor sepertimana terdapat dalam *Bill of Quantity* dan membuat siasatan bagaimana bayaran boleh diluluskan sedangkan kerja-kerja tidak dilaksanakan.

1.4.3. Kualiti Kerja Yang Tidak Memuaskan

1.4.3.1. Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah dipantau dan diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan kualiti kerja yang memuaskan. Pemeriksaan Audit bersama pegawai PMINT ke Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana bagi LGI serta Pangsapuri Kos Rendah, LGII mendapati kualiti kerja adalah kurang memuaskan antaranya berlaku keretakan besar dan jelas kelihatan pada tiang sokongan pangsapuri, keretakan pada tangga di Tingkat 13 hingga 15, kesan resapan air pada dinding dan siling serta lepaan simen tidak rata. Kesannya, keadaan ini telah menimbulkan kerisauan, kebimbangan dan ketidakselesaan kepada penghuni yang mendiami pangsapuri tersebut terutamanya dari segi keretakan dan resapan air yang berlaku di unit kediaman mereka. **Gambar 1.14** hingga **Gambar 1.38** menunjukkan keadaan tersebut dan tindakan yang diambil setelah teguran Audit.

Gambar 1.14
Keretakan Pada Tiang Sokongan
Di Tingkat Bawah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.15
Keretakan Pada Tiang Sokongan
Yang Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.16
Keretakan Pada Dinding
Di Tingkat Bawah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.17
Keretakan Pada Dinding
Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.18
Keretakan Pada Anak Tangga
Di Tingkat 13



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 Ogos 2013

Gambar 1.19
Keretakan Pada Anak Tangga
Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.20
Keretakan Dinding Di Ruang Legar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 1.21
Keretakan Dinding Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.22
Keretakan Pada Tembok Di Tingkat Atas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 1.23
Keretakan Pada Tembok Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.24
**Kesan Resapan Air Pada Dinding
Rumah C6/01**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.25
Kesan Resapan Air Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 22 September 2013

Gambar 1.26
Keretakan Dan Kesan Resapan Air
Pada Dinding Rumah C6/01



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
 Gemilang I, Kuala Terengganu
 Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 1.27
Keretakan Dan Kesan Resapan Air
Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
 Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
 Gemilang I, Kuala Terengganu
 Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.28
Keretakan Dan Kesan Resapan Air
Pada Dinding Rumah C5/09




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
 Gemilang I, Kuala Terengganu
 Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.29
Keretakan Dan Kesan Resapan Air
Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
 Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
 Gemilang I, Kuala Terengganu
 Tarikh: 19 September 2013

Gambar 1.30
Kesan Resapan Air Pada Siling
Di Ruang Tangga Tingkat 16



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
 Gemilang I, Kuala Terengganu
 Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 1.31
Kesan Resapan Air Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
 Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
 Gemilang I, Kuala Terengganu
 Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.32
Kesan Lelehan Air Pada Tangki Air




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.33
Kesan Lelehan Air Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 21 September 2013

Gambar 1.34
Lepaan Tidak Rata Pada
Sistem Pancuran Basah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 4 Julai 2013

Gambar 1.35
Lepaan Tidak Rata Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.36
Bingkai Tingkap Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.37
Bingkai Tingkap Telah Ditukar



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013



Gambar 1.38
Kesan Resapan Air Pada Dinding
Rumah C6/01

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 8 Julai 2013

1.4.3.2. Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, keretakan ini merupakan pergerakan setempat (*localised movement*) serta tidak akan membesar atau merebak ke bahagian lain dan juga tidak akan menjejaskan keselamatan dan ketahanan bangunan. Bagi kerosakan di dalam rumah, penghuni perlu melaporkan kerosakan untuk diambil tindakan pembaikan oleh PMINT. Lokasi pangsapuri ini yang berhampiran dengan kawasan laut menyebabkan kemas besi bingkai tingkap ini lebih cepat berkarat. Sebahagian kerja yang terlibat telah siap dibaiki dan keseluruhan kerja pembaikan di jadualkan siap pada 15 Oktober 2013.

Pada pendapat Audit, kegagalan PMINT melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara efektif terhadap kerja binaan menyebabkan kemas dan kualiti kerja tidak menepati standard yang ditetapkan dalam kontrak.

1.4.4. Reka Bentuk Tidak Sesuai

Hasil lawatan Audit ke Pangsapuri Kos Rendah, LGI dan LGII mendapati perkara berikut:

1.4.4.1. Kecerunan Lantai Tidak Sempurna

- a. Pemeriksaan Audit bersama pegawai PMINT pada 25 Julai 2013 mendapati pertumbuhan lumut pada permukaan lantai di kawasan parkir Tingkat 5, Pangsapuri Kos Rendah, LGII akibat kesan takungan air hujan seperti di **Gambar 1.39**. Hasil analisis soal selidik yang dijalankan, terdapat aduan mengenai lif yang terdedah kepada pengaliran air hujan di kawasan tersebut seperti di **Gambar 1.40**. Keadaan ini berlaku disebabkan kecerunan lantai yang tidak sempurna bagi melancarkan pengaliran air keluar.

Gambar 1.39
Pertumbuhan Lumut Pada Permukaan
Lantai Di Kawasan Parkir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.40
Lif Terdedah Kepada Pengaliran
Air Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, air bertakung disebabkan kecerunan lantai yang dibina tidak dapat mengalirkan air keluar dengan sempurna. Kontraktor telah membina dinding tambahan tetapi masalah pengaliran air hujan tetap berlaku di kawasan lif. Bagi mengatasi masalah ini, PMINT dalam tindakan membina bonggol dan memasang awning pada laluan utama lif di Tingkat 5 serta dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2013.**

1.4.4.2. Ketiadaan Ruang Pengudaraan Dan Pencahayaan

- a. Jabatan Bomba Dan Penyelamat telah menetapkan kehendak-kehendak kelengkapan mencegah kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran yang perlu dipatuhi. Salah satu daripadanya ialah perlu mengadakan sistem pengudaraan bagi tangga kecemasan sama ada secara biasa atau mekanikal contohnya seperti di **Gambar 1.41**. Pemeriksaan Audit bersama pegawai PMINT di Pangsapuri Kos Rendah, LGI pada 8 Julai 2013 dan 25 Julai 2013 mendapati tangga kecemasan tidak ada ruang pengudaraan seperti di **Gambar 1.42** dan koridor bagi Tingkat 1 hingga 9 tidak ada pencahayaan serta berada dalam keadaan gelap contohnya di kawasan seperti di **Gambar 1.43**. Hasil analisis soal selidik yang dijalankan terhadap penghuni menunjukkan terdapat aduan mengenai keadaan tersebut. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai PMINT bahawa, lampu di ruang legar hanya akan dinyalakan jika ada permintaan oleh penghuni. Keadaan ini berlaku disebabkan reka bentuk Pangsapuri Kos Rendah, LGI yang berkeadaan tertutup jika dibandingkan dengan Pangsapuri Kos Rendah, LGII. Kesannya, keselamatan penghuni dikhuatiri tidak terjamin sekiranya berlaku kebakaran, rumah terdedah kepada kecurian dan membahayakan kanak-kanak.

Gambar 1.41
Contoh Tingkap Pengudaraan
Di Tangga Kecemasan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 Ogos 2013

Gambar 1.42
Tangga Kecemasan Tidak Ada
Tingkap Pengudaraan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013



Gambar 1.43
Ruang Legar Yang Gelap Dan
Tidak Ada Pencahayaan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 8 Julai 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, ruang pengudaraan dan pencahayaan tidak dibina kerana plan kontrak dan plan kelulusan tiada dinyatakan bukaan yang perlu dibina pada bahagian tangga. Surat sokongan Sijil Layak Menduduki juga telah diperolehi daripada BOMBA dan MBKT.**
- c. **Berdasarkan maklum balas BOMBA bertarikh 26 September 2013, plan yang dikemukakan oleh arkitek dan diperakukan oleh BOMBA tidak mempunyai pengudaraan sebagaimana bangunan yang siap dibina. Bagi ruang legar yang gelap, ini disebabkan ruang bukaan bagi pencahayaan secara semula jadi terlalu kecil dan untuk menambah sistem pencahayaan, penyelenggaraan kelengkapan sistem pemasangan elektrik terutamanya lampu hendaklah dilakukan oleh pihak pengurusan. Hasil lawatan BOMBA pada 4 September 2013 mendapati, sebahagian besar lampu kecemasan dan lampu kalimantang di koridor tidak berfungsi.**

1.4.4.3. Pemasangan Saluran Paip Sanitari Tidak Sesuai Di Ruang Dapur

- a. Pemeriksaan Audit bersama pegawai PMINT pada 3 Julai 2013 dan 25 Julai 2013 di Pangsapuri Kos Rendah, LGI dan LGII mendapati kedudukan paip sanitari adalah tidak sesuai kerana berada di siling ruang dapur seperti di **Gambar 1.44** dan **Gambar 1.45**. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh reka bentuk sistem paip sanitari yang kurang mengambil kira keselesaan penghuni.

Gambar 1.44
Saluran Paip Sanitari Di Ruang Dapur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.45
Saluran Paip Sanitari Di Ruang Dapur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertariikh 29 September 2013, melalui semakan dan penelitian terhadap shop drawing mendapati laluan sistem saluran paip sanitari yang dikemukakan oleh pihak kontraktor telah memenuhi amalan kejuruteraan berkaitan serta ia juga telah mengambil kira faktor kekangan dan koordinasi terhadap kedudukan bagi bilik air, dapur dan struktur bangunan serta kedudukan bukaan untuk sebarang paip utiliti sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak pengilang/pengeluar Industrialised Building System bagi projek pembangunan di atas.**

Pada pendapat Audit, kelemahan-kelemahan dalam reka bentuk dapat dielakkan sekiranya wujud komunikasi dan koordinasi antara Perunding Arkitek dan Mekanikal serta penyeliaan yang rapi dibuat oleh Pengarah Projek terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor.

1.4.5. Pelantikan Khidmat Kawalan Keselamatan Tidak Teratur

Khidmat kawalan keselamatan adalah penting untuk menjamin keselamatan nyawa dan harta benda penghuni serta menjaga harta Kerajaan. Di samping itu, kos tersebut hendaklah berpatutan dan setimpal dengan khidmat yang disediakan. Semakan Audit terhadap pelantikan khidmat kawalan keselamatan mendapati beberapa perkara berikut:

1.4.5.1. Perjanjian Bagi Khidmat Kawalan Keselamatan Tidak Disediakan

Arahan Perbendaharaan 176.1 (c) menetapkan semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa, kontrak formal hendaklah diadakan. Semakan Audit mendapati tidak ada perjanjian disediakan antara Kerajaan Negeri dan syarikat khidmat kawalan keselamatan yang dilantik bagi Pangsapuri LGII. Keadaan ini disebabkan Pejabat SUK tidak menitikberatkan kepentingan perjanjian kerana kontrak walaupun kecil nilainya tetap mengandungi implikasi undang-undang. Ini menyebabkan tiada terma dan syarat perkhidmatan ditetapkan bagi mengikat antara 2 pihak iaitu Kerajaan Negeri dan syarikat tersebut. **Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK bertarikh 29 September 2013, setelah teguran Audit dibuat, perjanjian antara Pejabat SUK dan syarikat keselamatan telah ditandatangani pada 24 September 2013.**

1.4.5.2. Pembayaran Khidmat Kawalan Keselamatan Tidak Munasabah

- a. Seksyen 60c (2) Akta Kerja 1955 menetapkan had maksimum waktu bekerja bagi pekerja secara syif dalam sehari ialah 12 jam. Pangsapuri LGI menggunakan khidmat 4 orang pengawal keselamatan yang bertugas secara 2 syif di mana setiap syif dikawal oleh 2 orang pengawal keselamatan selama 12 jam dengan kos bulanan sejumlah RM7,300. Manakala bagi Pangsapuri LGII, menggunakan khidmat 4 orang pengawal keselamatan yang bertugas secara berterusan selama 24 jam dengan kos bulanan sejumlah RM13,176.
- b. Semakan Audit mendapati bayaran bagi seorang pengawal keselamatan di Pangsapuri LGII telah dibuat atas perkiraan tempoh bertugas selama 24 jam sehari di mana sepatutnya dikira atas tempoh 12 jam. Ini menyebabkan pembayaran khidmat kawalan keselamatan di Pangsapuri LGII adalah tidak munasabah berbanding Pangsapuri LGI dengan perbezaan kos sejumlah RM5,876 sebulan seperti di **Jadual 1.8**. Pemeriksaan Audit ke Pangsapuri LGII mendapati, hanya seorang pengawal keselamatan bertugas pada waktu siang dan 3 orang pengawal keselamatan bertugas pada waktu malam. Keadaan ini berlaku disebabkan kesilapan Pejabat SUK dalam menawarkan syarat perkhidmatan kepada syarikat tersebut di mana seorang pengawal keselamatan perlu bertugas secara berterusan selama 24 jam sehari. Kesannya, mulai bulan Mei 2012 hingga Julai 2013, Kerajaan telah membayar sejumlah RM184,464 kepada syarikat tersebut yang menyebabkan lebih bayaran sejumlah RM92,232 seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.8
Perbandingan Harga Bagi Kedua Syarikat Keselamatan
Pangsapuri Ladang Gemilang I Dan II

Pangsapuri	Pembayar	Bil. Hari/ Kos Sejam (RM)	Bilangan Pengawal Bertugas	Jam Bertugas/ Pengawal (Jam)	Kos/ Seorang Pengawal (RM)	Kos Sebulan (RM)
Ladang Gemilang I	PMINT	30.5/ 5.00	4	12	1,825	7,300
Ladang Gemilang II	Pejabat SUK	30.5/ 4.50	4	24	3,294	13,176
Perbezaan Kos Sebulan						5,876

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Jadual 1.9
Lebih Bayaran Disebabkan Kesilapan Pengiraan Jam Bertugas Bagi
Syarikat Keselamatan Di Pangsapuri Ladang Gemilang II

Status Bayaran	Jam Bertugas/ Pengawal (Jam)	Tempoh	Bil. Bulan	Kos Sebulan/ Pengawal (RM)	Bilangan Pengawal	Kos Keseluruhan (RM)
Telah Dibayar (Pengiraan Pejabat SUK)	24	Mei 2012	4	3,294	3	39,528
		- Ogos 2012	11		4	144,936
		September 2012				
		- Julai 2013				
Jumlah Yang Dibayar						184,464
Sepatut Dibayar (Pengiraan Audit)	12	Mei 2012	4	1,647	3	19,764
		- Ogos 2012	11		4	72,468
		September 2012				
		- Julai 2013				
Jumlah Yang Sepatutnya Dibayar						92,232
Jumlah Perbezaan						92,232

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

- c. **Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK bertarikh 29 September 2013, lebih bayaran sejumlah RM92,232 telah dituntut dan syarikat keselamatan berkenaan berjanji untuk membayar secara ansuran.**

1.4.5.3. Khidmat Kawalan Keselamatan Tidak Teratur

Pekeliling Agensi Bil. 4 Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri menetapkan syarat-syarat dan peraturan bagi pengendalian syarikat keselamatan. Antaranya syarat-syarat lantikan, tapisan keselamatan, latihan, pakaian seragam dan kad pengenalan pengawal keselamatan. Pemeriksaan Audit di Pangsapuri Kos Rendah, LGII pada 30 Julai 2013 mendapati pengawal keselamatan tidak memakai pakaian seragam semasa bertugas. Hasil temu bual dengan pengawal keselamatan memaklumkan mereka hanya dibekalkan vest, tidak ada pelantikan bertulis, menerima gaji RM1,000 sebulan,

tidak ada potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO, hanya seorang pengawal keselamatan bertugas pada waktu siang dan 3 orang pada waktu malam, tidak menjalani latihan serta tidak dimaklumkan faedah-faedah yang berkaitan. Keadaan ini berlaku disebabkan pemilihan syarikat telah dibuat secara rundingan terus dan kesannya penilaian terhadap syarikat yang dilantik tidak dibuat secara telus. Selain itu, identiti pengawal keselamatan yang bertugas tidak dapat dikenal pasti oleh penghuni, kebajikan pekerja tidak terjamin dan boleh menyebabkan berlakunya ketidakcekapan pekerja dalam menjalankan tugas. **Berdasarkan maklum balas Pejabat SUK bertarikh 29 September 2013, teguran telah dibuat terhadap syarikat keselamatan untuk mematuhi peraturan khidmat kawalan keselamatan dan syarikat tersebut telah bersetuju akan mematuhi.**

Pada pendapat Audit, PMINT dan Pejabat SUK perlu memastikan setiap perolehan khidmat kawalan keselamatan hendaklah mematuhi peraturan dan perjanjian perlu disediakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan syarikat. Di samping itu, Pejabat SUK perlu menuntut kembali lebih wang bayaran perkhidmatan daripada syarikat yang dilantik.

1.4.6. Kesan Vandalisme

1.4.6.1. Pemeriksaan dan rondaan hendaklah dilakukan dengan kerap bagi menangani masalah ini. Di samping itu, sikap kerjasama antara penghuni adalah penting bagi mewujudkan keadaan yang selesa. Pemeriksaan Audit bersama pegawai PMINT menunjukkan terdapat banyak kesan vandalisme di pangsapuri tersebut antaranya butang lif, pagar sempadan dan pintu rintangan api dirosakkan serta unit pangsapuri dicerobohi. Keadaan ini berlaku disebabkan sikap penghuni di pangsapuri tersebut dan kurangnya pemantauan serta rondaan oleh pengawal keselamatan. **Gambar 1.46** hingga **Gambar 1.54** menunjukkan antara kesan vandalisme tersebut dan tindakan yang diambil setelah teguran Audit.

Gambar 1.46
Butang Lif Dirosakkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 Ogos 2013

Gambar 1.47
Butang Lif Telah Diganti



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 23 September 2013

Gambar 1.48
Pagar Sempadan Dirosakkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Ladang Gemilang I & II,
Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.49
Pagar Sempadan Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Ladang Gemilang I & II,
Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.50
Fire Break Glass Dirosakkan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 4 Julai 2013

Gambar 1.51
Fire Break Glass Telah Dibaiki



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang II, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013

Gambar 1.52
Wayar Elektrik Dicuri Di Tingkat 10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 1.53
Wayar Elektrik Telah Diganti



Sumber: PMINT
Lokasi: Pangsapuri Kos Sederhana, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 25 September 2013



Gambar 1.54
Pintu Rintangan Api Dirosakkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 26 Jun 2013

1.4.6.2. Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, PMINT telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi vandalisme seperti memberikan taklimat, menyediakan papan tanda kesedaran, mengedarkan panduan asas mengenai hak dan tanggungjawab serta menyediakan kamera litar tertutup untuk mengawal keselamatan terutama di lif bangunan.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu mengadakan sesi penerangan dan motivasi kesedaran kepada penghuni tentang kepentingan untuk menjaga harta awam supaya pangsapuri tersebut menjadi tempat tinggal yang selesa.


1.4.7. Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Belum Dikemukakan Oleh PMINT Kepada LTAWNT

Berdasarkan surat LTAWNT bertarikh 30 Januari 2013, pihak LTAWNT telah mengarahkan PMINT supaya menghantar Laporan Tahunan Pendapatan Dan Perbelanjaan Pangsapuri LGI bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 hingga 2012. Manakala pada 16 April 2013 pula, pihak LTAWNT telah mengarahkan PMINT menyerahkan kutipan sewa bagi Pangsapuri LGI dan LGII. Bagaimanapun didapati, tidak ada tindakan diambil oleh PMINT terhadap perkara tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan tidak ada komunikasi dan koordinasi antara Agensi berhubung perkara tersebut. Kesannya, kedudukan terkini pendapatan dan perbelanjaan bagi kedua projek tersebut tidak dapat ditentukan. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, PMINT telah mengemukakan laporan pendapatan dan perbelanjaan bagi Pangsapuri LGI kepada pihak LTAWNT pada 24 September 2013. Pembayaran pendapatan bersih bagi Pangsapuri LGI akan dibuat setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.**

Pada pendapat Audit, PMINT perlu mengemukakan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi Pangsapuri Ladang Gemilang kepada LTAWNT supaya kedudukan terkini dapat ditentukan.

1.4.8. Analisis Soal Selidik Terhadap Pengurusan Pangsapuri

1.4.8.1. Bagi melengkapkan pengauditan, pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 239 borang soal selidik kepada penghuni di Pangsapuri LGI dan LGII pada 30 April 2013. Sebanyak 94 daripada 239 (39.3%) borang soal selidik telah diterima. **Carta 1.1** menunjukkan hasil maklum balas soal selidik yang diterima daripada penghuni.



Sumber: Borang Soal Selidik

1.4.8.2. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik yang diterima mendapati seramai 69 penghuni menyatakan kurang memuaskan terhadap keselamatan, seramai 58 penghuni menyatakan kurang memuaskan terhadap kemudahan dan keselesaan serta pengurusan sewa, seramai 57 penghuni menyatakan kurang memuaskan terhadap penyenggaraan dan 50 penghuni menyatakan kurang memuaskan terhadap kebersihan. Manakala seramai 7 penghuni menyatakan cemerlang bagi pengurusan kebersihan, seramai 4 penghuni menyatakan cemerlang bagi pengurusan sewa dan seramai 2 orang menyatakan cemerlang masing-masing bagi penyenggaraan, keselamatan serta kemudahan dan keselesaan. Berdasarkan analisis Audit, terdapat beberapa aduan penghuni yang diterima antaranya seperti berikut:

- Status hak milik selepas tamat tempoh 3 tahun penyewaan tidak dinyatakan dalam perjanjian.
- Kadar sewa yang dikenakan tidak seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri iaitu potongan sewa rumah sejumlah RM124 sebulan bagi yang berdaftar dengan e-Kasih.
- Ketidakmampuan penghuni membayar sewa.

- d. Vandalisme dan kecurian yang kerap berlaku.
- e. Kawalan keselamatan yang longgar.
- f. Aduan kerosakan tidak diambil tindakan segera.
- g. Kanak-kanak tidak ada tempat bermain.
- h. Pembuangan sampah di hadapan pagar pangsapuri mencemari pemandangan dan mengganggu keselesaan penghuni sedangkan rumah sampah telah disediakan seperti di **Gambar 1.55** dan **Gambar 1.56**.
- i. Halangan barangan peribadi di ruang legar dan tangga seperti di **Gambar 1.57** dan **Gambar 1.58**.
- j. Kemudahan tempat letak kereta dan motosikal tidak mencukupi di Pangsapuri LGI seperti di **Gambar 1.59**.
- k. Air bertakung di ruang legar dan menjadi tempat pembiakan nyamuk di Pangsapuri Kos Rendah, LGII.

Gambar 1.55
Tong Sampah Ditempatkan Di Hadapan
Pintu Masuk Pangsapuri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Ladang Gemilang I & II,
Kuala Terengganu
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.56
Lokasi Rumah Sampah Yang
Berjauhan Dengan Pangsapuri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Ladang Gemilang I & II,
Kuala Terengganu
Tarikh: 30 Jun 2013

Gambar 1.57
Halangan Barangan Peribadi
Di Ruang Legar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 3 Julai 2013

Gambar 1.58
Halangan Barangan Peribadi
Di Tangga Kecemasan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 8 Julai 2013



Gambar 1.59
Tempat Letak Kereta Dan Motosikal
Tidak Mencukupi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pangsapuri Kos Rendah, Ladang
Gemilang I, Kuala Terengganu
Tarikh: 8 Julai 2013

1.4.8.3. Hasil daripada maklum balas soal selidik tersebut, beberapa cadangan telah diterima daripada penghuni antaranya seperti berikut:

- a. Memohon agar Kerajaan dapat meluluskan pangsapuri yang diduduki secara sewa beli.
- b. Kerajaan perlu mengurangkan kadar sewa kepada mereka yang tidak berkemampuan dan membela nasib warga emas.
- c. Menyediakan taman rekreasi dan permainan untuk kanak-kanak.
- d. Menyediakan dewan serba guna untuk majlis keraian.
- e. Meningkatkan tahap kawalan keselamatan dengan membina pondok pengawal keselamatan di Pangsapuri LGII kerana orang luar bebas keluar masuk ke kawasan pangsapuri, membaiki pagar yang roboh bagi mengelakkan pencerobohan oleh orang luar dan pengawal keselamatan dikehendaki kerap membuat rondaan.
- f. Menyediakan tempat pembuangan sampah yang teratur kerana rumah sampah yang disediakan berjauhan dengan pangsapuri dan tersembunyi.
- g. Meningkatkan tahap kebersihan di pangsapuri.

- h. Menyediakan tempat letak kereta dan motosikal yang mencukupi kepada penghuni.
- i. Kerajaan perlu mengatasi kesesakan lalu lintas di jalan keluar masuk pangsapuri.

1.4.8.4. Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 29 September 2013, beberapa langkah penambahbaikan telah diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh penghuni bagi menyediakan tempat tinggal yang selesa untuk didiami.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan LTAWNT, Pejabat SUK dan PMINT mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1.5.1. Kerajaan Negeri perlu membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah hak milik pangsapuri dengan segera untuk memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan penyewa terpelihara.

1.5.2. LTAWNT dan Pejabat SUK perlu berdialog dengan penghuni bagi mengkaji sebab-sebab berlakunya tunggakan sewa dan mengenal pasti langkah penyelesaian terhadap penghuni yang tidak berkemampuan.

1.5.3. LTAWNT dan Pejabat SUK perlu menuntut kembali wang daripada kontraktor dan syarikat bagi kerja yang tidak dilaksanakan dan perkhidmatan yang terlebih bayar.

1.5.4. PMINT perlu melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara efektif terhadap kerja binaan supaya kemas dan kualiti kerja menepati standard yang ditetapkan dalam kontrak.

1.5.5. PMINT perlu memastikan komunikasi dan koordinasi antara Perunding Arkitek dan Mekanikal dipertingkatkan bagi mengelakkan kelemahan reka bentuk berulang dalam projek lain di masa akan datang.

1.5.6. PMINT dan Pejabat SUK perlu memastikan setiap perolehan khidmat kawalan keselamatan mematuhi peraturan dan perjanjian hendaklah disediakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan syarikat.

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA MAJLIS DAERAH SETIU

2. PROGRAM PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian daripada jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya sepertimana dibina atau dibaiki. Mengikut Buku Panduan “Senggara Jalan – Apa yang anda tidak perlu tahu” keluaran Jabatan Kerja Raya (JKR), tujuan penyenggaraan jalan adalah untuk memastikan:

2.1.1.1. permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat;

2.1.1.2. struktur jalan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menampung beban trafik; dan

2.1.1.3. laluan dapat dipulihkan dengan kadar segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh dan sebagainya.

2.1.2. Mengikut rekod data *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) di Negeri Terengganu, panjang rangkaian jalan negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2012 adalah 6,295.60 kilometer (km). Jalan negeri ini disenggarakan oleh agensi pelaksana di peringkat Negeri iaitu JKR, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Agensi pelaksana ini pula akan melantik syarikat konsesi atau kontraktor untuk menjalankan kerja penyenggaraan jalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. **Jadual 2.1** menunjukkan bilangan dan panjang jalan negeri.

Jadual 2.1
Bilangan Dan Panjang Jalan Negeri Mengikut Agensi Pelaksana
Sehingga Tahun 2012

Agensi Pelaksana	Bilangan Jalan	Panjang Jalan (km)
JKR	2,244	3,655.13
Pejabat Daerah	491	1,592.02
JPS	56	724.54
PBT	472	323.91
Jumlah	3,263	6,295.60

Sumber: MARRIS

2.1.3. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam MARRIS. Jalan negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf (*standard*); jalan *sub-standard*; jalan kawasan perumahan kos rendah; jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Pemberian penyenggaraan jalan raya Negeri diterima secara berperingkat setiap tahun daripada Kerajaan Persekutuan.

2.1.4. Selain daripada pemberian Kerajaan Persekutuan, jalan negeri juga disenggarakan dengan menggunakan dana Kerajaan Negeri. Bagaimanapun bagi tempoh 2010 hingga 2012 tiada peruntukan diberi oleh Kerajaan Negeri untuk maksud ini. Kedua-dua sumber kewangan penyenggaraan jalan negeri ini diperakaunkan dalam Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan negeri. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012, jumlah terimaan dan perbelanjaan Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Terimaan Dan Perbelanjaan Akaun Kumpulan Wang Amanah
Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Pemberian Persekutuan (RM Juta)	Jumlah Terimaan (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2010	112.96	112.96	98.06	86.8
2011	116.24	116.24	91.58	78.8
2012	116.63	116.63	116.60	99.9
Jumlah	345.83	345.83	306.24	88.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2012

2.1.5. Kerja penyenggaraan jalan negeri dibahagikan kepada 3 jenis iaitu penyenggaraan berkala, biasa dan kecemasan seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Jenis Penyenggaraan Jalan Negeri

Jenis Penyenggaraan	Keterangan
Berkala	Memerlukan pemeriksaan dan penilaian secara berkala ke atas keupayaan struktur <i>pavement</i> jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Kerosakan permukaan jalan biasanya dapat dikaitkan dengan kelemahan struktur <i>pavement</i> jalan. Contoh penyenggaraan berkala adalah seperti menguatkan struktur <i>pavement</i> jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (<i>resurfacing</i>) dan dilaksanakan mengikut program setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian sebagaimana yang digariskan dalam <i>Highway Maintenance Manual</i> serta memotong dan menampal permukaan jalan yang retak sebelum menurap semula jalan sedia ada.
Biasa	Kerja pembaikan ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifatnya dan penentuan masa pembaikan, serta tidak membabitkan kelemahan struktur <i>pavement</i> jalan. Penyenggaraan ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu penyenggaraan <i>pavement</i> , penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput, penyenggaraan perabot jalan, penyenggaraan pemetung dan jambatan serta penyenggaraan longkang.

Jenis Penyelenggaraan	Keterangan
Kecemasan	Kerja penyelenggaraan kecemasan melibatkan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan raya dengan serta merta seperti tanah runtuh, tambak/benteng runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pemetung dan struktur parit runtuh, tumpahan bahan kimia atau bahan lain yang berbahaya di jalan raya.

Sumber: *A Guide For District Engineers Staff On Pavement Maintenance*, JKR Mac 1997 Dan "Senggara Jalan – Apa yang anda tidak perlu tahu", JKR 2010

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada penyelenggaraan jalan negeri yang menggunakan peruntukan MARRIS telah dilaksanakan secara teratur, ekonomi, cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.3.1. Sebanyak 600 borang soal selidik diedarkan kepada pengguna jalan raya iaitu masing-masing 400 bagi 2 JKR Daerah dan 200 di Majlis Daerah Setiu (MDS). Selain itu, *trend* statistik kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh kerosakan jalan bagi tahun 2010 hingga bulan Februari 2013 untuk jalan negeri di mana pengauditan ini dijalankan juga dibuat. *Trend* aduan pengguna, dokumen *Notification Of Defect (NOD)* dan lain-lain laporan pemantauan kerosakan jalan yang disenggara oleh agensi terlibat bagi tahun 2010 hingga bulan Februari 2013.

2.3.2. Pengauditan juga dijalankan dengan menyemak rekod/dokumen dan menganalisis data berkenaan kerja penyelenggaraan jalan negeri di Pejabat Perbendaharaan Negeri, JKR Negeri, 3 agensi pelaksana yang terlibat iaitu JKR Dungun, JKR Hulu Terengganu dan MDS. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dalam kerja penyelenggaraan jalan diadakan untuk mendapat penjelasan lanjut. Lawatan ke lokasi yang dipilih juga dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai kerja penyelenggaraan jalan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja penyelenggaraan jalan negeri adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan terdapat beberapa kelemahan yang ketara antaranya:

- Kos senggaraan jalan berkala melebihi had kontrak.
- Kualiti kerja penyelenggaraan jalan kurang memuaskan.

2.4.1. Prestasi Program

2.4.1.1. Kesselesaian Dan Keselamatan Pemanduan Kurang Memuaskan


Mengikut Buku Panduan “Senggara Jalan – Apa yang anda tidak perlu tahu” keluaran JKR, permukaan dan persekitaran jalan hendaklah sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat. Sebanyak 600 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengguna jalan raya untuk mendapat maklum balas berkaitan kesselesaian, kualiti dan keselamatan jalan negeri di 3 daerah iaitu jalan di bawah tanggungjawab MDS, JKR Dungun dan JKR Hulu Terengganu. Daripada jumlah tersebut 561 maklum balas telah diterima daripada pelbagai pengguna jalan raya. Analisis Audit terhadap soal selidik kepuasan pelanggan mendapati hasil seperti berikut:

- a. Pengguna di Daerah Hulu Terengganu dan Dungun memberi penilaian jalan raya di daerah tersebut tidak selesa dan tidak selamat manakala pengguna di sekitar Daerah Setiu menilai jalan raya di daerah mereka selamat tetapi tidak selesa. Hasil penilaian pengguna tersebut seperti di **Jadual 2.4**, **Carta 2.1** dan **Carta 2.2**.


Jadual 2.4
Analisis Borang Soal Selidik

Bil.	Kriteria	Daerah		
		Setiu	Dungun	Hulu Terengganu
1.	Kesselesaian	Tidak selesa	Tidak selesa	Tidak selesa
2.	Keselamatan	Selamat	Tidak selamat	Tidak selamat

Sumber: Soal Selidik



Sumber: Borang Soal Selidik



Sumber: Borang Soal Selidik

- b. Hasil maklum balas soal selidik yang dijalankan, faktor jalan rosak/berlubang dan jalan sempit merupakan penyebab utama jalan negeri di 3 daerah tersebut tidak selesai manakala simpang/selekoh merbahaya dan papan tanda tidak jelas/mengelirukan menjadi penyebab utama jalan tersebut tidak selamat. Antara cadangan penambahbaikan oleh pengguna adalah dengan meningkatkan kualiti kerja penyenggaraan jalan, memperbaharui muka jalan mengikut kekerapan yang sepatutnya dan menyenggara longkang di tepi jalan.

Pada pendapat Audit, tahap keselesaan dan keselamatan jalan adalah kurang memuaskan kerana purata pengguna yang berpuas hati terhadap tahap keselesaan jalan hanya 35% manakala 47% berpuas hati dengan tahap keselamatan jalan.

2.4.1.2. Prestasi Perbelanjaan Geran Jalan Negeri

- a. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian daripada jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Pada tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sejumlah RM345.83 juta kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan penyenggaraan jalan negeri seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Penerimaan Dan Perbelanjaan Wang Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Penerimaan	Perbelanjaan		Wang Yang Tidak Dibelanjakan	
	(RM Juta) (a)	(RM Juta) (b)	(%) (c=b/a*100)	(RM Juta) (d=a-b)	(%) (e=d/a*100)
2010	112.96	98.06	86.8	14.90	13.2
2011	116.24	91.58	78.8	24.66	21.2
2012	116.63	116.60	99.9	0.03	0.1
Jumlah	345.83	306.24	88.5	39.59	11.5

Sumber: Perbendaharaan Negeri

- b. Berdasarkan **Jadual 2.5** di atas, pemberian untuk penyenggaraan jalan negeri oleh Kerajaan Persekutuan mengikut Perlembagaan Persekutuan Perkara 109(1)(b) meningkat setiap tahun dari RM112.96 juta kepada RM116.63 juta. Prestasi perbelanjaan pula meningkat pada tahun 2012 kepada hampir 100% berbanding tahun sebelumnya. Dengan peruntukan tersebut, Kerajaan Negeri perlu membelanjakan purata RM18,000 setahun bagi sekilometer jalan di Negeri. Bagi melancarkan perjalanan senggaraan, Kerajaan Negeri telah melantik syarikat konsesi bagi menyenggara 2,012.3 km jalan negeri dengan kos RM64.86 juta untuk tempoh 2 tahun selama 7 tahun dengan semakan harga setiap 2 tahun. Kos purata yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi adalah sejumlah RM16,000 bagi sekilometer.

Pada pendapat Audit prestasi perbelanjaan geran jalan negeri adalah baik kerana 88.5% peruntukan telah dibelanjakan.

2.4.1.3. Kos Senggaraan Jalan Berkala Melebihi Had Kontrak

- a. Menurut kontrak jangka panjang penyenggaraan jalan negeri di Negeri Terengganu, harga terkini penyenggaraan berkala yang dipersetujui adalah RM8.50 juta setahun dan RM24.50 juta bagi tempoh 3 tahun dari 2010 hingga 2012. **Jadual 2.6** menunjukkan perancangan dan pelaksanaan senggaraan berkala oleh JKR Negeri (Bahagian Jalan) bagi tahun 2010 hingga 2012.

Jadual 2.6**Perancangan Dan Pelaksanaan Senggaraan Berkala Oleh JKR Negeri (Bahagian Jalan) Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Daerah	Penyenggaraan Jalan		Panjang jalan (km)	Kos (RM juta)	Kos/Km (RM)
		Rancangan	Pelaksanaan			
1.	Kuala Terengganu	7	22	32.10	8.23	256,386
2.	Hulu Terengganu	3	17	30.76	4.42	143,693
3.	Dungun	11	14	16.34	4.19	256,425
4.	Marang	3	11	18.70	3.26	174,331
5.	Kemaman	14	10	20.20	6.33	313,366
6.	Besut	7	10	9.78	2.98	304,703
7.	Setiu	4	7	8.60	2.40	279,069
Jumlah		49	91	136.48	31.81	233,074

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri (Bahagian Jalan)

- b. **Jadual 2.6** di atas menunjukkan syarikat konsesi telah menyenggara jalan secara penyenggaraan berkala sepanjang 136.48 km bagi tempoh 3 tahun dengan kos sejumlah RM31.81 juta. Panjang jalan yang disenggara tersebut mewakili 6.8% daripada panjang jalan yang diperuntukkan iaitu 2,012.3 km untuk senggaraan oleh JKR. Oleh itu, purata kos yang dibelanjakan untuk senggaraan berkala adalah RM10.60 juta setahun. Semakan Audit mendapati jumlah ini telah pun melebihi kos yang dipersetujui di dalam kontrak sejumlah RM9 juta. Perbezaan sejumlah RM7.31 juta (RM31.81 – RM24.50 juta) merupakan kos melebihi kontrak untuk tempoh 3 tahun.
- c. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 29 September 2013, perkara tersebut berlaku kerana terdapat tambahan projek atau acara Kerajaan Negeri yang perlu disegerakan seperti Le Tour De Langkawi, maka senggaraan tersebut dijalankan oleh syarikat konsesi yang sama untuk mengelak daripada kelewatan menyiapkan senggaraan jalan tersebut.**

Pada pendapat Audit, pembayaran jumlah kos projek atau acara tambahan tersebut perlu diasingkan daripada kos penyenggaraan berkala bagi mengelak berlakunya kos senggaraan jalan melebihi had kontrak. Selain itu panjang jalan yang disenggarakan adalah kurang berbanding panjang jalan yang diperuntukkan kepada JKR.

2.4.2. Prestasi Penyenggaraan Jalan

Berdasarkan pelaksanaan program penyenggaraan jalan negeri bagi 2 JKR daerah yang dipilih iaitu JKR Daerah Hulu Terengganu dan JKR Daerah Dungun serta MDS untuk tempoh 3 tahun dari 2010 hingga 2012, syarikat konsesi telah merancang untuk menyenggara sejumlah 83 bilangan jalan dan sehingga akhir tahun 2012, sejumlah 100 bilangan jalan seperti di **Jadual 2.7** telah dilaksanakan. Sejumlah 37 jalan yang tidak dirancang telah

disenggarakan bagi menggantikan 20 jalan yang tidak dilaksanakan walaupun pada mulanya telah dirancang untuk dilaksanakan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.4.2.1. Kerja Penyenggaraan Yang Dirancang Tidak Dilaksanakan

- a. Kerja penyenggaraan yang dirancang hendaklah dilaksanakan bagi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Semakan Audit terhadap program dan pelaksanaan penyenggaraan jalan oleh syarikat konsesi yang dilantik mendapati pelaksanaan melebihi sasaran yang ditetapkan. Namun terdapat rancangan yang disasarkan tidak dilaksanakan. Jumlah rancangan dan pelaksanaan senggaraan bagi JKR dan MDS seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Jumlah Rancangan Dan Pelaksanaan Senggaraan Bagi JKR Dan MDS
Tahun 2010 hingga 2012

Daerah	Rancang	Tidak Dirancang/Ganti	Laksana	Tidak Laksana
JKR Dungun	11	9	13	7
JKR Hulu Terengganu	3	16	17	2
Majlis Daerah Setiu	69	12	70	11
Jumlah	83	37	100	20

Sumber: Jabatan Kerja Raya dan SUK (Kerajaan Tempatan)

- b. Semakan lanjut Audit terhadap dokumen penyenggaraan jalan mendapati jalan dirancang telah diganti dengan jalan di lokasi lain mengikut keadaan kerosakan jalan yang berisiko kepada pengguna. **Jadual 2.7** di atas menunjukkan terdapat 20 jalan yang tidak dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun dari tahun 2010 hingga 2012 di mana 11 daripada jumlah tersebut merupakan jalan MDS yang mewakili 55% jumlah jalan tidak dilaksana.
- c. Penggantian ini berlaku disebabkan keputusan mesyuarat dari semasa ke semasa antara JKR dan syarikat konsesi yang mengutamakan jalan rosak teruk dan memerlukan penyenggaraan segera. Peruntukan terhad juga merupakan punca bagi penggantian jalan. Manakala bagi pihak MDS, penggantian jalan disebabkan pembaikan mengutamakan jalan yang rosak teruk dan berlaku pertindihan penyenggaraan jalan dengan pihak Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) serta peruntukan yang terhad.
- d. **Berdasarkan maklum balas MDS bertarikh 30 September 2013, pihaknya terpaksa membatalkan penyenggaraan jalan yang dirancang kerana pertindihan dengan projek jalan Agensi lain dan juga penggantian jalan yang lebih memerlukan pembaikan yang melibatkan risiko kemalangan. Pihaknya akan berbincang dengan Agensi terlibat bagi penyelarasan sebelum permohonan peruntukan penyenggaraan jalan dibuat agar tiada pertindihan senarai penyenggaraan jalan.**

2.4.2.2. Kualiti Kerja Penyelenggaraan Jalan Kurang Memuaskan

- a. Kerja penyelenggaraan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Daripada 99 bilangan jalan yang disenggarakan, lawatan Audit terhadap 25 lokasi sampel jalan yang dipilih di JKR Daerah Hulu Terengganu, Dungun dan MDS mendapati hasil kualiti penyelenggaraan *pavement* tidak memuaskan dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Daripada 25 sampel jalan yang dilawati, 11 daripadanya telah disenggarakan tidak kemas dan berlaku rekahan terhadap tampalan jalan tersebut. Tampalan dan rekahan tersebut melibatkan sepanjang jalan berkenaan dengan purata bilangan kerosakan adalah 5 kes setiap jalan bagi 10 jalan yang disenggarakan antaranya seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.8**.

Gambar 2.1

Hasil Kerja Porthole Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Lenjang,
Hulu Terengganu (T113)
Tarikh: 10 Julai 2013

Gambar 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tanggul - Pantai Ali,
Hulu Terengganu (T158)
Tarikh: 10 Julai 2013

Gambar 2.3

Hasil Kerja Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tok Kah - Jerangau,
Dungun (T114)
Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tok Kah - Jerangau,
Dungun (T114)
Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.5
Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Wa, Dungun (T123)
Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Wa, Dungun (T123)
Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.7
Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gaung - Jenagor,
Hulu Terengganu (T134)
Tarikh: 23 Jun 2013

Gambar 2.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Batu 24 - Pengkalan Ajal,
Hulu Terengganu (T113)
Tarikh: 10 Julai 2013

- b. Keadaan ini disebabkan struktur jalan yang rendah dan sentiasa dinaiki air pada musim tengkujuh serta kurang pemantauan oleh pihak JKR terhadap kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh syarikat konsesi. Kerja senggaraan yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti menyebabkan jalan tidak selesa digunakan dan boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya.

2.4.2.3. Jalan Rosak

- a. Semua jalan hendaklah disenggara secara berkala bergantung kepada kitaran yang ditetapkan dan kerosakan jalan mengikut keutamaan penggunaan jalan raya. Lawatan Audit ke 3 sampel daerah yang dipilih mendapati beberapa jalan utama dan sekunder berlaku kerosakan struktur jalan dan ia juga tidak disenggarakan dalam tempoh 3 tahun sampel pengauditan seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.18**.

Gambar 2.9

Kerosakan Struktur Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Limbong Paka, Dungun (T116)
Tarikh: 24 Jun 2013

Gambar 2.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Pak Kancil Dalam, Setiu
Tarikh: 25 Jun 2013

Gambar 2.11
Cacat Permukaan (Lekukan)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tok Kah - Jerangau, Dungun (T114)
Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.12
Cacat Permukaan (Alunan)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Durian Mentangau, Dungun (T118)
Tarikh: 24 Jun 2013

Gambar 2.13
Keretakan Jalan (Retak Buaya)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuala Pueh - Baung,
Hulu Terengganu (T137)
Tarikh: 23 Jun 2013

Gambar 2.14
Keretakan Jalan (Retak Blok)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Batu 24 - Pengkalan Ajal,
Hulu Terengganu (T113)
Tarikh: 10 Julai 2013

Gambar 2.15

Kerosakan Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Jak - Kuala Kejir,
Hulu Terengganu (T108)
Tarikh: 23 Jun 2013

Gambar 2.16



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Matang - Kuala
Telemong, Hulu Terengganu (T139)
Tarikh: 23 Jun 2013

Gambar 2.17
Kerosakan Permukaan Jalan
(Ravelling Delamination)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuala Berang - Sekayu,
Hulu Terengganu (T115)
Tarikh: 10 Julai 2013

Gambar 2.18
Kerosakan Permukaan
Jalan (Ravelling)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuala Berang - Sekayu,
Hulu Terengganu (T115)
Tarikh: 10 Julai 2013

- b. Masalah tersebut berlaku disebabkan jalan yang lama tidak disenggarakan dan tidak termasuk dalam jadual penyenggaraan yang dirancang. Pihak Audit dimaklumkan senggaraan tersebut ditangguhkan kerana pihak Syarikat Air Terengganu (SATU) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang menjalankan kerja pembinaan utiliti di sepanjang jalan persekutuan yang merupakan jalan utama menghubungkan jalan negeri. Selain itu, jalan yang belum dijadualkan akan diambil kira dalam program tambahan dalam tahun 2013. Kesannya, jalan tidak selesa dan boleh menjejaskan keselamatan pengguna.
- c. **Berdasarkan maklum balas MDS bertariikh 30 September 2013, setelah disiasat pihaknya mendapati kerosakan adalah disebabkan kawasan yang tidak mempunyai sistem longkang yang sempurna menyebabkan air limpahan melimpah ke atas jalan serta berlakunya kerosakan struktur jalan. MDS akan**

memohon peruntukan bagi pembinaan longkang, menambun tanah, dan memastikan penyenggaraan dijalankan mengikut spesifikasi.

2.4.2.4. Kerosakan Berulang Di Lokasi Yang Sama

- a. Sesuatu kerja penyenggaraan yang dilaksanakan sepatutnya mampu bertahan. Bagaimanapun, ianya bergantung kepada keadaan penggunaan kenderaan dan faktor semula jadi contohnya banjir dan tanah runtuh. Lawatan Audit di lokasi terpilih mendapati kerosakan berulang berlaku di sepanjang jalan yang sama disebabkan banjir setiap tahun seperti di **Gambar 2.19** hingga **Gambar 2.22**.

Gambar 2.19
Kerosakan Berulang Di Lokasi Yang Sama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Perah/Kg. Jak/ Kuala Kejir,
Hulu Terengganu (T108)
Tarikh: 23 Jun 2013

Gambar 2.20



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Durian Mentangau, Dungun (T118)
Tarikh: 24 Jun 2013

Gambar 2.21
Jalan Menjadi Laluan Kenderaan Berat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Durian Mentangau, Dungun (T118)
Tarikh: 24 Jun 2013

Gambar 2.22
Alur Sungai Yang Sempit Dan Rendah Menyebabkan Banjir Berlaku



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Durian Mentangau, Dungun (T118)
Tarikh: 24 Jun 2013

- b. Antara sebab kerosakan tersebut berulang adalah struktur jalan yang rendah dan sentiasa mengalami banjir pada musim tengkujuh. Jalan Durian Mentangau, Dungun (T118) merupakan jalan alternatif ke lebuh raya baru dan merupakan laluan kenderaan berat melebihi 150 hingga 200 tan yang membawa bijih besi. Pihak Audit

dimaklumkan perkara ini telah dilaporkan kepada JKR Negeri (Bahagian Jalan) dan bercadang membuat kertas kerja bagi menaikkan aras jalan. Selain itu, peruntukan yang tinggi diperlukan untuk menaik taraf jalan yang melibatkan pihak SATU dan pembinaan 4 buah jambatan. Sekiranya aras jalan tidak dinaikkan, ia akan menyebabkan jalan tersebut tidak selesa dan tidak selamat kepada pengguna.

- c. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 29 September 2013, pihaknya akan mengambil tindakan berperingkat bagi menangani kes-kes di atas bergantung pada peruntukan yang diluluskan, memastikan syarikat konsesi mematuhi kerja seperti mana dalam kontrak dan memohon peruntukan bagi menaik taraf jalan.**

Pada pendapat Audit, prestasi penyenggaraan jalan negeri adalah kurang memuaskan disebabkan kerja penyenggaraan yang dirancang tidak dilaksanakan, kualiti kerja penyenggaraan jalan kurang memuaskan, jalan rosak dan kerosakan berulang di jalan yang sama. Kerajaan Negeri perlu memberi lebih perhatian terhadap kelemahan berikut supaya ia dapat ditambah baik dan dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.4.2.5. Pengurusan Penyenggaraan Kecemasan Kurang Memuaskan

Mengikut piagam pelanggan JKR, setiap aduan kecemasan yang diterima hendaklah diselesaikan dalam tempoh 24 jam daripada tarikh aduan diterima. Semakan Audit mendapati, mengikut dokumen laporan kecemasan kesemua 91 sampel kes kecemasan siap disenggara dalam tempoh 24 jam kecuali 3 kes kejadian tanah runtuh yang mengambil masa satu minggu seperti di **Gambar 2.23** hingga **Gambar 2.30**.

Gambar 2.23
Keadaan Jalan Semasa Kejadian Tanah Runtuh



Sumber: JKR Daerah Kemaman
Lokasi: Jalan Teladas, Air Putih, Kemaman
(T18 Seksyen 0.1)
Tarikh: 26 Disember 2012

Gambar 2.24



Sumber: JKR Daerah Kemaman
Lokasi: Jalan Teladas, Air Putih, Kemaman
(T18 Seksyen 0.1)
Tarikh: 26 Disember 2012

Gambar 2.25
Keadaan Jalan Selepas Kerja Pembersihan Tanah Runtuh



Sumber: JKR Daerah Kemaman
Lokasi: Jalan Teladas, Air Putih, Kemaman
(T18 Seksyen 0.1)
Tarikh: 26 Disember 2012

Gambar 2.26



Sumber: JKR Daerah Kemaman
Lokasi: Jalan Teladas, Air Putih, Kemaman
(T18 Seksyen 0.1)
Tarikh: 26 Disember 2012

Gambar 2.27
Keadaan Jalan Selepas Berlaku Tanah Runtuh



Sumber: Syarikat Konsesi
Lokasi: Jalan Sungai Bari/Ladang Bari, Setiu
(Seksyen 1.3)
Tarikh: Tidak Dinyatakan

Gambar 2.28



Sumber: Syarikat Konsesi
Lokasi: Jalan Sungai Bari/Ladang Bari, Setiu
(Seksyen 1.3)
Tarikh: Tidak Dinyatakan

Gambar 2.29
Saluran Air Pecah Yang Memberi Kesan Terhadap Struktur Jalan



Sumber: Syarikat Konsesi
Lokasi: Seksyen 4.6, Jalan Sungai. Bari/Ladang
Bari, Setiu
Tarikh: Tidak Dinyatakan

Gambar 2.30



Sumber: Syarikat Konsesi
Lokasi: Seksyen 4.6, Jalan Sungai. Bari/Ladang
Bari, Setiu
Tarikh: Tidak Dinyatakan

a. Dokumen Sokongan Bagi Laporan Kerja Tidak Lengkap Terhadap Kerja Kecemasan Oleh Syarikat Konsesi

Mengikut perjanjian syarikat konsesi akan menyediakan laporan kerja yang dijalankan bagi tujuan tuntutan pembayaran termasuk laporan kecemasan selepas selesai kerja kecemasan. Ringkasan tuntutan laporan kecemasan ini akan disediakan oleh Pengurus Besar syarikat konsesi dan disahkan oleh Ketua Penolong Pengarah JKR. Laporan ini akan disertakan bersama rekod kerja harian, ringkasan *Bill of Quantities (BQ)*, rekod harian kerja kecemasan berserta gambar, kos kerja harian bagi buruh dan peralatan jentera yang digunakan dan borang *Notification Of Emergency (NOE)*. Semakan Audit terhadap laporan kerja-kerja kecemasan NOE bagi 2 JKR daerah iaitu Hulu Terengganu dan Dungun untuk tempoh 3 tahun dari tahun 2010 hingga Februari 2013 mendapati dokumen sokongan yang diperlukan tidak disediakan. Sebanyak 51 kes melibatkan bayaran sejumlah RM608,877 tidak mempunyai dokumen NOE. Oleh itu pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada tuntutan yang dibuat memadai tanpa dokumen NOE. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.8. Menurut maklum balas pihak JKR bertarikh 21 Oktober 2013, dokumen *Notification of Defect (NOE)* berkenaan telah disediakan oleh Syarikat Konsesi, tetapi tidak dikembalikan bersama Ringkasan Kerja-kerja Kecemasan.**

Jadual 2.8

Senarai Ringkas Dokumen Sokongan Bagi Laporan Kerja Tidak Lengkap Terhadap Kerja Kecemasan Oleh Syarikat Konsesi

Tahun/Daerah	Bilangan Kes Di Senarai Kecemasan Yang Dituntut		Bilangan Mengikut Borang NOE		Perbezaan	
	Bil.	Kos (RM)	Bil.	Kos (RM)	Bil.	Kos (RM)
Tahun 2010						
JKR Dungun	4	31,586.29	4	31,586.29	-	-
JKR Hulu Terengganu	33	250,997.89	17	121,161.50	16	129,036.39
Tahun 2011						
JKR Dungun	20	72,827.50	3	2,490.00	17	70,337.50
JKR Hulu Terengganu	14	299,175.53	4	21,560.00	10	277,615.53
Tahun 2012						
JKR Dungun	6	240,805.03	2	230,571.53	4	10,233.50
JKR Hulu Terengganu	9	164,154.24	5	42,500.00	4	121,654.24
Tahun 2013						
JKR Dungun	3	17,450.00	3	17,450.00	-	-
JKR Hulu Terengganu	2	16,383.68	2	16,383.68	-	-
Jumlah		1,093,380.16	40	486,703.00	51	608,877.16

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri (Bahagian Jalan)

b. Tindakan Susulan Terhadap Kerja Kecemasan Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi

Tindakan susulan hendaklah diambil selepas kerja-kerja bagi kes kecemasan dilaksanakan untuk memastikan keadaan jalan dapat digunakan dengan selesa dan selamat seperti mana asal. Lawatan Audit ke 10 tapak kejadian tanah runtuh di 3 daerah, mendapati kes penyenggaraan kecemasan telah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh syarikat konsesi pada tahun 2010, 2012 dan 2013. Daripada 10 kes kejadian tanah runtuh, 6 kes telah diambil tindakan susulan dan 4 kes masih dalam tindakan. Daripada 6 kes yang telah diambil tindakan susulan, penyenggaraan bagi 3 kes kecemasan telah dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi mengakibatkan kejadian tanah runtuh berulang. Tindakan susulan yang diambil bagi setiap kes adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9

Tindakan Susulan Terhadap Kerja Kecemasan Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Yang Sedang Diambil Tindakan

Bil.	Kes-Kes Kecemasan Yang Berulang Kerana Tidak Mengikut Spesifikasi	Tindakan Susulan
1.	Jalan Gaung/Kuala Pueh/Kenyir, Hulu Terengganu (T134) telah pun disenggara tetapi kejadian tanah runtuh berulang disebabkan saliran air keluar tidak diambil kira seperti di Gambar 2.31 .	JKR telah pun berusaha mewujudkan saluran air keluar sementara, sehingga permohonan peruntukan diluluskan.
2.	Seksyen 1.3 dan Seksyen 4.6 Ladang Bari, Setiu telah pun diambil tindakan. Bagaimanapun, ianya telah runtuh semula akibat arus hujan dan kerja yang dilaksanakan tidak berapa sempurna kerana kekangan peruntukan, seperti di Gambar 2.32 hingga Gambar 2.35 .	Sehingga tarikh pengauditan, tindakan susulan selepas kejadian berulang belum diambil tindakan.
Bil.	Kes-kes Kecemasan Yang Sedang Diambil Tindakan	Tindakan Susulan
1.	Jalan Kuala Berang/ Tanggol/ Wakaf Tapai di Hulu Terengganu (T107) tidak dapat menjalankan tindakan susulan kerana melibatkan longkang yang dibina oleh pihak Majlis seperti di Gambar 2.36 dan Gambar 2.37 .	Pihak JKR sedang dalam senggaraan bermula 16 Julai 2013.
2.	Cerun runtuh di Jalan Teladas, Air Putih, Kemaman (T18, Seksyen 0.1) di mana kejadian tanah runtuh berlaku berulang pada Mac tahun 2013 seperti di Gambar 2.38	Kerja membaik pulih cerun sedang dijalankan.
3.	Tanah runtuh di Jalan Tepus – Kuala Jengai, Dungun (T125, Seksyen 9 dan 10) seperti di Gambar 2.39 dan 2.40 .	Sehingga tarikh pengauditan Jalan Tepus - Kuala Jengai, Dungun (T125, Seksyen 9) dalam proses sebutarga. Manakala Jalan Tepus - Kuala Jengai, Dungun (T125, Seksyen 10) pula dalam tindakan membuat anggaran kos.

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri dan Daerah (Bahagian Jalan)



Gambar 2.31
Saluran Air Sementara Diwujudkan Bagi
Menghalang Tanah Runtuh Berulang
Disebabkan Saliran Air

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Gaung/Kuala Pueh/Kenyir Hulu
 Terengganu (T134)
 Tarikh: 23 Jun 2013

Gambar 2.32
Tanah Runtuh Berulang Akibat Hakisan Air Hujan Dan
Kerja Penyenggaraan Kurang Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Sungai Bari/Ladang Bari, Setiu
 (Seksyen 1.3)
 Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.33



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Sungai Bari/Ladang Bari, Setiu
 (Seksyen 1.3)
 Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.34
Tanah Runtuh Berulang Akibat Hakisan Air Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Ladang Jaya/Ladang Bari, Setiu
 (Seksyen 4.6)
 Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.35



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Ladang Jaya/Ladang Bari, Setiu
 (Seksyen 4.6)
 Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.36
Tanah Runtuh Belum Disenggarakan Kerana Melibatkan Longkang
Majlis Daerah Hulu Terengganu



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Kuala Berang/Tanggol/Wakaf
 Tapai (T107)
 Tarikh: 23 Jun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Kuala Berang/Tanggol/Wakaf
 Tapai (T107)
 Tarikh: 23 Jun 2013

Gambar 2.38
Kerja Soil Nailing Bagi Menstabilkan Cerun Sedang Dijalankan



Sumber: JKR Daerah Kemaman
 Lokasi: Jalan Teladas, Air Putih, Kemaman (T18, Seksyen 0.1)
 Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 2.39
Tanah Runtuh Belum Disenggara Dan Masih Dalam Tindakan Sebut Harga



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Tepus - Kuala Jengai, Dungun (T125, Seksyen 9)
 Tarikh: 9 Julai 2013

Gambar 2.40
Tanah Runtuh Belum Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tepus - Kuala Jengai, Dungun (T125, Seksyen 10)
Tarikh: 9 Julai 2013

- c. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 29 September 2013, pihaknya akan melawat ke tapak berkenaan dan akan menilai semula kualiti kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi serta memastikan ianya disiapkan mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan dan pihak JKR juga akan behubung dengan JKR Malaysia (Bahagian Cerun) bagi mendapatkan pandangan serta kaedah pembinaan.**

Pada pendapat Audit, tindakan bagi kes kecemasan adalah baik tetapi tindakan susulan terhadap kerja kecemasan kurang memuaskan kerana kualiti kerja yang tidak menepati spesifikasi.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri sentiasa disenggarakan mengikut keperluan, pihak terlibat perlu memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

2.5.1. JKR perlu membuat pemantauan terhadap pelaksanaan kerja oleh syarikat konsesi dan *Notification Of Defect (NOD)* perlu dijalankan dengan lebih terperinci sebelum perancangan program dirangka.

2.5.2. Pegawai Kewangan Negeri perlu menjelaskan kepada agensi pelaksana tujuan asal peruntukan MARRIS dan mengeluarkan garis panduan tentang perbelanjaan yang dibenarkan supaya tidak berlaku penyalahgunaan.

2.5.3. SUK (Kerajaan Tempatan) perlu lebih proaktif memantau pelaksanaan program.

2.5.4. Agensi Pelaksana hendaklah memberi keutamaan terhadap jalan rosak dan belum disenggarakan dalam perancangan penyenggaraan dan hendaklah membaiki jalan yang rosak bagi mengelak kerosakan struktur *pavement* secara menyeluruh yang memerlukan pembinaan semula (*reconstruction*).

2.5.5. JKR perlu mengambil tindakan susulan terhadap kes kecemasan mengikut keperluan.

3. PERTIMA TERENGGANU SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pertima Terengganu Sdn. Bhd. (PTSB) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 Mac 1972. PTSB merupakan anak syarikat milik penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). PTSB mempunyai modal saham dibenarkan sejumlah RM10 juta dan modal berbayar sejumlah RM7.4 juta. Visi syarikat ialah menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global.

3.1.2. PTSB beroperasi di premis milik PMINT yang terletak di Kawasan Perindustrian Chendering, Kuala Terengganu dengan menjalankan aktiviti utamanya memproses, mengetin dan memasarkan barangan dalam tin seperti sardin, kari ayam, sambal bilis dan lain-lain. PTSB turut berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan *Moody International* yang mana syarikat telah memperoleh sijil HALAL, *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP) dan ISO 9001:2008 bagi menjamin mutu produk.

3.1.3. Komposisi Ahli Lembaga Pengarah PTSB terdiri daripada 5 orang ahli, di mana seorang daripada mereka merupakan Pengarah Urusan PTSB. Pengurusan PTSB diketuai oleh Pengarah Urusan yang dibuat lantikan secara pinjaman daripada PMINT bagi mentadbir PTSB dengan dibayar elaun bulanan dan dibantu oleh seramai 21 kakitangan berjawatan tetap dan 33 kakitangan berstatus kontrak.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PTSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur dan selaras dengan objektif penubuhan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PTSB bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti PTSB. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 5 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2008 hingga 2012. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai PTSB yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan Audit turut dijalankan ke kilang PTSB.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan PTSB adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan semasa bagi tempoh 5 tahun. Justeru kerugian terkumpul telah berkurangan pada setiap tahun iaitu dari RM16.31 juta pada tahun 2008 menjadi RM11.28 juta pada tahun 2012. Namun begitu, analisis nisbah mendapati prestasi kewangan adalah kurang memuaskan yang melibatkan masalah kecairan, margin keuntungan yang rendah dan kemampuan bayaran hutang yang rendah. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat juga kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti di bawah:

- Hasil keluaran kilang tidak menepati sasaran.
- Pembaziran dalam operasi.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kurang memuaskan.
- Bayaran bonus tidak mendapat kelulusan Agensi Induk.
- *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak menyeluruh.
- Kawalan pendapatan dan perbelanjaan kurang memuaskan.
- Pengurusan aset tidak memuaskan.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pendapatan utama PTSB adalah hasil jualan produk makanan dalam tin terutamanya sardin dalam tomato sos. Pendapatan PTSB bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan trend yang tidak konsisten. Pada tahun 2010, pendapatan PTSB didapati meningkat kepada sejumlah RM7.44 juta berbanding sejumlah RM5.82 juta pada tahun 2008 dan RM6.46 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, pendapatan PTSB telah menurun menjadi sejumlah RM5.57 juta pada tahun 2011 dan RM4.36 juta pada tahun 2012. Peningkatan pendapatan PTSB berlaku pada tahun 2010 disebabkan hasil penjualan tanah dan bangunan sejumlah RM2.23 juta kepada PMINT.
- b. Perbelanjaan PTSB terbahagi kepada 2 kategori iaitu kos langsung dan kos tidak langsung. Kos langsung merangkumi kos pengilangan manakala kos tidak langsung merangkumi kos kakitangan, susut nilai, kewangan, pentadbiran dan operasi. Kos operasi berbentuk kos jualan hasil kilang merupakan perbelanjaan yang tertinggi berbanding kos yang lain-lain.

- c. Perbandingan jumlah perbelanjaan dengan pendapatan menunjukkan perbelanjaan PTSB adalah tinggi iaitu mencapai 62.5% hingga 98.2% bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2008 sehingga 2012 seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Perbandingan Jumlah Perbelanjaan Dengan Pendapatan PTSB

Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Peratusan (%)
2008	5.68	5.82	97.6
2009	5.92	6.46	91.6
2010	4.65	7.44	62.5
2011	5.46	5.57	98.0
2012	4.28	4.36	98.2

Sumber: Penyata Kewangan PTSB

- d. PTSB memperoleh keuntungan sebelum cukai setiap tahun pada tahun 2008 hingga 2012. Kesan daripada keuntungan yang dicatatkan oleh PTSB untuk tempoh tersebut telah dapat mengurangkan kerugian terkumpul sejumlah RM16.31 juta pada tahun 2008 kepada RM11.28 juta pada tahun 2012.
- e. Analisis Audit mendapati jumlah aset PTSB adalah lebih kecil berbanding liabilitinya bagi tempoh 5 tahun tersebut. Kedudukan sebegini menunjukkan PTSB mempunyai kekurangan ekuiti pemegang saham sejumlah RM8.91 juta (2008), RM8.09 juta (2009), RM5.4 juta (2010), RM5.26 juta (2011) dan RM3.88 juta (2012) seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Perbandingan Jumlah Aset Dengan Jumlah Liabiliti

Tahun	Jumlah Aset (RM)	Jumlah Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemegang Saham (RM)
2008	4.95	13.86	8.91
2009	3.43	11.52	8.09
2010	3.82	9.22	5.40
2011	4.00	9.26	5.26
2012	4.28	8.16	3.88

Sumber: Penyata Kewangan PTSB


- f. Kedudukan jumlah pendapatan dengan mengambil kira pendapatan lain, jumlah perbelanjaan yang meliputi kos jualan, belanja am/pentadbiran operasi dan kos kewangan berserta Untung Rugi PTSB bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.3**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.3


Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi PTSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan				
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan Aktiviti	5,672,217	6,441,592	4,793,752	5,498,206	4,353,703
Kos Jualan	4,386,472	4,502,834	3,631,445	4,445,491	3,317,991
Untung Kasar	1,285,745	1,938,758	1,162,307	1,052,715	1,035,712
Pendapatan Lain	149,532	23,298	2,644,049	71,588	9,818
Belanja Am/Pentadbiran Operasi	1,051,574	1,236,025	1,000,542	1,013,154	959,137
Untung Operasi	383,703	726,031	2,805,814	111,149	86,393
Kos Kewangan	237,039	184,932	18,803	5,431	1,332
Untung Operasi Sebelum Cukai	146,664	541,099	2,787,011	105,718	85,061
Cukai	-	2,248	96,948	-88,160	-8,683
Untung Selepas Cukai	146,664	538,851	2,690,063	193,878	93,744
Pelarasan Tahun Lepas	-	-14,149	299,609	-56,844	1,286,964
Kerugian Terkumpul	-16,314,391	-15,789,689	-12,800,017	-12,662,983	-11,282,275

Sumber: Penyata Kewangan PTSB



Sumber: Penyata Kewangan PTSB



Sumber: Penyata Kewangan PTSB

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PTSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan PTSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan				
	2008	2009	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	0.31:1	0.29:1	0.33:1	0.39:1	0.42:1
Margin Untung Bersih	2.5%	8.3%	36.2%	3.5%	2.1%
Pulangan Ke Atas Aset	0.03:1	0.16:1	0.70:1	0.05:1	0.02:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.02:1	-0.07:1	-0.49:1	-0.05:1	-0.02:1
Nisbah Hutang	2.80:1	3.36:1	2.41:1	2.31:1	1.91:1

Sumber: Penyata Kewangan PTSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa PTSB bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan walaupun berlaku penurunan pada tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, kemampuan aset semasa PTSB ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek berada di tahap kurang memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin untung bersih PTSB menunjukkan pencapaian yang tertinggi adalah sebanyak 36.2% pada tahun 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2012 margin untung bersih PTSB mencatatkan penurunan kepada kadar 0.02 sen (2.1%) bagi setiap ringgit hasil daripada aktiviti utamanya. Secara keseluruhannya kedudukan margin keuntungan PTSB adalah kurang memuaskan.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh daripada setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan PTSB menguruskan asetnya meningkat pada kadar 0.03:1 pada tahun 2008 kepada 0.70:1 pada tahun 2010. Bagaimanapun, kadar pulangan ini menurun kepada 0.05:1 pada tahun 2011 dan 0.02:1 pada tahun 2012. Kedudukan kadar pulangan pada tahun 2011 dan 2012 adalah di tahap yang kurang memuaskan.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan pengurusan modal PTSB bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012 iaitu pada kadar -0.02:1 hingga -0.49:1 adalah di tahap kurang memuaskan.

e. Nisbah Hutang

Nisbah Hutang adalah menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung untuk menghasilkan aset syarikat. Mengikut *standard* yang biasa, nisbah hutang berbanding dengan aset adalah pada kadar 0.5:1, iaitu jumlah hutang kurang 50% daripada aset adalah dianggap *prudent*. Pada akhir tahun 2012, PTSB mempunyai aset berjumlah RM4.28 juta (2011:RM4.00 juta) berbanding dengan liabiliti berjumlah RM8.16 juta (2011:RM9.26 juta). Dengan membandingkan jumlah liabiliti ke atas jumlah aset mendapati peratusan nisbah hutang PTSB adalah tinggi iaitu di antara 1.91:1 hingga 3.36:1 bagi tempoh tahun 2018 hingga 2012. Ini menunjukkan kemampuan PTSB untuk membayar hutang adalah kurang memuaskan.

f. Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB secara berterusan berusaha meningkatkan keuntungan bagi memastikan nisbah kewangan mencatatkan peningkatan. Bagi merealisasikan hasrat ini, pada tahun 2012 PTSB telah melantik Syarikat Aslah Centre For Excellence untuk melihat potensi PTSB dan seterusnya merancang Pelan Pengembangan Perniagaan 5 tahun bagi tahun 2013 hingga 2017.

i. Berikut langkah-langkah pembetulan dan penambahbaikan dikemukakan perunding bagi meningkatkan prestasi PTSB:

- **Peningkatan program promosi**
- **Penggalakan R&D**
- **Penambahan bilangan produk**
- **Penjimatan kos melalui peningkatan pengeluaran**
- **Pengetinan daging korban dunia**
- **Kontrak pengetinan FAMA**
- **Segmen jualan kerajaan melalui kontrak berpusat dan pengukuhan *networking* dengan jabatan dan agensi kerajaan**
- **Meneroka segmen pasaran eksport**
- **Pengukuhan sumber manusia**

ii. Berdasarkan langkah-langkah di atas, PTSB diunjurkan memperoleh jualan RM18.2 juta dengan keuntungan bersih RM3.1 juta pada tahun 2017. Perunding Aslah juga merumuskan keperluan suntikan tunai berjumlah RM3.2 juta bagi tempoh 2013 hingga 2017 bagi merealisasikan pengembangan PTSB tersebut. PMINT sebagai Perbadanan Induk PTSB memperakui kedudukan PTSB dan seterusnya telah mengambil langkah-langkah berikut, antaranya:

- Menyediakan peruntukan RM600,000 untuk pembinaan *waste water treatment*.
- Melantik Pengurus Besar PMINT sebagai Pengerusi PTSB bagi memudahkan PTSB disenergikan dengan PMINT dan anak syarikat yang lain misalnya TADC telah dilantik sebagai ejen pemasaran PTSB.

Pada pendapat Audit, walaupun mengikut nisbah kewangan, kedudukan kewangan PTSB adalah kurang memuaskan, namun prestasi kewangan PTSB secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan semasa selepas cukai pada tahun 2008 hingga 2012 menyebabkan kerugian terkumpul semakin berkurangan. Bagi meningkatkan keuntungan, PTSB hendaklah meningkatkan pengeluaran, mengurangkan kos operasi dan memastikan nisbah kewangan mencatatkan peningkatan.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

PTSB membuat pengeluaran produk sardin dalam tomato sos sebagai aktiviti teras syarikat. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

3.4.2.1. Hasil Keluaran Kilang Tidak Menepati Sasaran

Pengeluaran produk PTSB melibatkan penggunaan beberapa mesin di antaranya *boiler, pre-cooker, exhaust conveyor, seamer, retort, cooling tank* dan peralatan-peralatan lain. Mesin ini berkeupayaan menghasilkan produk-produk seperti *baked beans, green peas*, seri kaya, sambal sotong, *sweet corn*, sambal udang, kari daging, *sardin in oil, sardin in brine, mushroom soup, spaghetti sauce*, sambal lada, sambal kerang, *juice in metal cans* 250ml (cth. Jus asam jawa dan oren) dan *repacking tomato paste size* 425gm, 285gm, 155gm. Hasil semakan Audit mendapati:

- a. PTSB menetapkan hanya 3 produk dikeluarkan dalam satu tahun berdasarkan keupayaan kewangan syarikat yang terhad. Selaras dengan itu, PTSB beroperasi mengeluarkan beberapa jenis produk yang berjaya untuk dipasarkan sahaja iaitu sardin, sambal bilis, kuah sate, kari ayam, *corned* kambing dan seri kaya. Manakala produk seperti *baked beans, green peas*, sambal sotong, *sweet corn*, sambal udang,

kari daging, *mushroom soup*, *spaghetti sauce*, sambal lada, sambal kerang, *juice in metal cans* dan *repacking tomato paste* tidak dikeluarkan.

- b. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB telah berhadapan dengan dua masalah utama untuk menepati sasaran iaitu kekangan kewangan dan risiko perniagaan. Dengan kedudukan kewangan PTSB yang sangat ketat, tiada keupayaan untuk menambah produk-produk baru di mana proses R&D dan penciptaan produk memerlukan perbelanjaan. Walaupun pelbagai jenis produk boleh dihasilkan menggunakan mesin yang sama, tetapi PTSB hanya berjaya mengeluarkan beberapa jenis produk sahaja. Ini adalah kerana PTSB mempunyai masalah dari segi modal kerja yang tidak mencukupi di mana untuk penambahan produk baru, modal yang diperlukan agak besar. Jika memproses dengan kuantiti yang kecil, kos pengeluaran produk menjadi tinggi dan harga menjadi tidak kompetitif. Bagaimanapun, PTSB telah menambah beberapa produk baru dari tahun ke tahun dengan menyasarkan penambahan sekurang-kurangnya 3 produk baru setahun. Di samping itu, jangka masa untuk penyenaian di pasaran juga mengambil masa yang agak panjang menyebabkan penambahan produk baru agak perlahan. Sesuatu produk dalam mencapai peringkat matang mempunyai risiko perniagaan yang tinggi. Justeru itu, PTSB memilih berkembang berdasarkan kekuatan dalaman dengan risiko perniagaan yang minima.**
- c. Pengurusan PTSB memberi tumpuan terhadap pengeluaran sardin terutamanya sardin dalam sos tomato 425gm, 155gm dan *family* 405gm. Bagaimanapun, aktiviti pengeluaran produk ini tidak dapat mencapai tahap pengeluaran maksimum seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Pencapaian/Prestasi Pengeluaran Produk

Bil.	Produk	Unit/Hari		Pencapaian (%)
		Maksimum	Semasa	
1.	Sardin Dalam Tomato Sos 425gm	40,000	15,000	37.5
2.	Sardin Dalam Tomato Sos 155gm	40,000	21,000	52.5
3.	Sardin <i>Family</i> 405gm	40,000	15,000	37.5
4.	Sambal Bilis 160gm	15,000	10,000	66.7
5.	Kuah Sate 425gm	10,000	5,000	50.0
6.	Kari Ayam 285gm	15,000	10,000	66.7
7.	<i>Corned</i> Kambing 454gm	8,000	8,000	100
8.	Seri Kaya 200gm	5,000	5,000	100

Sumber: Rekod Pengeluaran PTSB

- d. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, kadar pengeluaran PTSB tidak mencapai tahap optimum kerana saiz pasaran yang terhad dengan jumlah pengeluarannya bergantung kepada pasaran.**
- e. Pengeluaran terhadap produk sardin dalam tomato sos 425gm, 155gm dan *family* 405gm berjaya dikeluarkan setakat mencapai 37.5% hingga 52.5% sahaja

berbanding dengan *corned* kambing 454gm dan seri kaya 200gm yang mencapai 100%. Bagaimanapun, kapasiti pengeluaran ke atas produk *corned* kambing 454gm dan seri kaya 200gm tidak menggambarkan kedudukan prestasi pengeluaran kerana produk berkenaan dikeluarkan dalam kuantiti yang kecil dengan tujuan bukannya untuk dipasarkan tetapi sekadar untuk dibuat sampel dan kajian pasaran sahaja. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, pasaran yang terhad adalah kerana aktiviti iklan dan promosi yang dijalankan oleh pihak PTSB sangat minima yang berpunca daripada kekangan modal kerja yang sangat ketat.**

- f. Semakan lanjut Audit mendapati hasil keluaran kilang tidak menepati sasaran disebabkan oleh perkara berikut:
- i. Kilang PTSB beroperasi membuat pengeluaran bergantung kepada jumlah permintaan terhadap produk. Memandangkan permintaan ke atas produk keluaran PTSB adalah kecil menyebabkan kapasiti penggunaan kilang menjadi rendah. Kilang sekadar beroperasi di antara 113 hingga 204 hari dalam setahun bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012 seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Bilangan Hari Kilang Beroperasi Dari Tahun 2008 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Hari Operasi
2008	182
2009	204
2010	142
2011	141
2012	113

Sumber: Rekod Hari Bekerja PTSB

- ii. PTSB melakukan promosi melalui beberapa kaedah yang melibatkan pengiklanan melalui promosi di *hypermarket*, media elektronik, media cetak, ekspo dan pendedaran pamflet. Semakan Audit mendapati perbelanjaan ke atas aktiviti promosi telah menurun sebanyak RM25,793 iaitu RM60,836 pada tahun 2011 kepada RM35,043 pada tahun 2012 di mana aktiviti promosi melalui media elektronik dan pamflet tidak dilakukan pada tahun tersebut. Ini merupakan salah satu faktor menggambarkan aktiviti promosi kurang menyeluruh menyebabkan orang awam kurang mengetahui tentang produk Pertama. Kedudukan perbelanjaan syarikat yang melibatkan aktiviti pengiklanan/promosi produk Pertama adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7**Perbelanjaan Promosi PTSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Bil.	Kaedah Pengiklanan	Tahun				
		2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
1.	Promosi <i>Hypermarket</i>	10,992	7,570	5,944	17,134	16,654
2.	Media Elektronik	-	-	-	20,634	-
3.	Media Cetak	-	500	605	700	14,406
4.	Ekspo	32	3,492	6,636	22,368	3,983
5.	<i>Pamphlet</i>	9,290	2,950	90	-	-
Jumlah		20,314	14,512	13,275	60,836	35,043

Sumber: Rekod Kewangan PTSB

- iii. Permintaan dari segmen pasaran yang tidak menentu menyebabkan hasil jualan terhadap produk keluaran PTSB di pasaran berubah/kurang. Semakan Audit mendapati permintaan produk Pertama adalah tidak konsisten yang melibatkan segmen pasaran terhadap aktiviti pengetinan untuk syarikat tempatan (OEM) dan pengetinan daging Qurban. Langgan produk PTSB adalah terdiri daripada beberapa kumpulan pelanggan seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8**Pecahan Utama Langgan Produk PTSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Bil.	Segmen Pasaran	Tahun				
		2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
1.	Jabatan/Agensi Kerajaan	297,788	308,730	350,026	370,736	366,613
2.	Pasaran Terbuka	2,556,917	3,344,261	3,339,909	2,860,666	3,079,996
3.	Pengetinan Daging Qurban	1,090,865	1,295,231	657,029	1,281,974	272,045
4.	FAMA	-	-	407,510	998,800	626,624
5.	Lain-lain OEM	93,600	1,244,962	33,440	24,177	-
Jumlah		4,039,170	6,193,184	4,787,914	5,536,353	4,345,278

Sumber: Penyata Kewangan PTSB

- g. Hasil pengeluaran kilang yang tidak menepati sasaran telah memberi kesan kepada aktiviti jualan produk PTSB serta tidak mencapai sasaran seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9**Hasil Jualan Produk Teras Tidak Mencapai Sasaran Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Tahun	Sasaran Jualan (RM)	Jualan Sebenar (RM)	Pencapaian Jualan Sebenar (%)
2008	6,267,895	4,039,170	64.4
2009	6,772,870	6,193,184	91.4
2010	7,100,000	4,787,914	67.4
2011	6,616,080	5,487,999	82.9
2012	6,687,700	4,345,278	65.0

Sumber: Rekod Fokus Jualan PTSB

- h. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, oleh kerana tiada promosi yang dijalankan, pasaran PTSB adalah sangat kecil dan terhad di samping bergantung kepada kontrak pengetinan untuk syarikat tempatan dan daging Qurban. Segmen pasaran ini tidak menentu kerana ia bergantung**

kepada kehendak pelanggan tersebut. Kontrak daging Qurban adalah kontrak tahunan di mana ia bergantung kepada jumlah kutipan dana NGO yang menguruskan projek tersebut.

3.4.2.2. Pembaziran Dalam Operasi

Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti PTSB mendapati berlaku pembaziran dalam operasi pengeluaran yang melibatkan kontrak pengetinan iaitu:

- a. Pihak pengurusan PTSB mengadakan satu kontrak pengetinan dengan Kumpulan Rahman Brothers dengan mengeluarkan produk berjenama De' Rahman pada tahun 2008. Mengikut perjanjian yang dimaterai, Kumpulan Rahman Brothers menempah sebanyak 100,000 sardin bersaiz 425gm dan 100,000 sardin bersaiz 155gm. Bagi memenuhi tempahan tersebut, pihak pengurusan PTSB terpaksa akur syarat tempahan minimum yang dikenakan oleh pembekal bagi membekal tin kosong sebanyak 100,000 bersaiz 425gm dan 250,000 bersaiz 155gm. Ini menunjukkan pihak pengurusan PTSB telah membuat lebih tempahan sebanyak 150,000 tin terhadap tin kosong yang bersaiz 155gm. Lawatan Audit mendapati aktiviti pengeluaran terhadap produk De' Rahman telah diberhentikan kerana tiada pasaran/permintaan dan lebih stok tin kosong bersaiz 155gm sebanyak 91,580 tin @ 0.50 sen berjumlah RM45,790 telah terbiar dan tidak digunakan sehingga sekarang. Baki stok tin kosong seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Tin Produk De'Rahman



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kilang PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 9 Mei 2013

Gambar 3.2
Stok Tin Kosong Produk De'Rahman



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kilang PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 9 Mei 2013

- b. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mengambil maklum teguran Audit. Pada masa sekarang tin-tin kosong akan digunakan untuk membuat *sampling* dan tindakan selanjutnya akan dibincangkan oleh PTSB termasuk melupuskannya.**
- c. Pada tahun 2007, PTSB telah menyahut seruan Kerajaan Negeri bagi menjalankan aktiviti pengetinan buah rambutan untuk tujuan membantu masyarakat tempatan

yang mengalami kesulitan memasarkan buah rambutan disebabkan lambakan buah rambutan ketika itu. Bagaimanapun, aktiviti yang dirancang tidak dapat diteruskan kerana mengalami masalah kualiti buah. Perkara ini telah menyebabkan lebih stok tin kosong sebanyak 36,336 @ 0.55 sen berjumlah RM19,985 masih terbiar dan tidak dapat digunakan seperti di **Gambar 3.3**.



Gambar 3.3
Stok Tin Rambutan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 9 Mei 2013

- d. Lebihan stok tin kosong yang tidak diguna pakai telah menyebabkan kerugian dan penggunaan ruang di kilang.
- e. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB akur dengan pandangan pihak Audit. Isu yang dibangkitkan berlaku pada tahun 2007 dan 2008. Kini PTSB telah mengenakan SOP yang ketat termasuk pembayaran deposit dan bayaran permulaan dalam mengurus kontrak pengetinan. Justeru itu, PTSB akan memastikan hanya projek berdaya hidup dan berdaya saing akan dilaksanakan pada masa hadapan. PTSB akan terus berusaha untuk meletakkan produk Pertama dalam segmen pasaran yang tersendiri dengan mengeksploitasi kekuatan produk PTSB yang mempunyai persijilan HALAL, HACCP, ISO, MESTI, Buatan Malaysia selaras dengan tagline 'Yakin Halal Dan Suci' dan terunggul sejak tahun 1972. Di samping berusaha untuk meningkatkan pasaran segmen yang mempunyai potensi seperti Jabatan/Agensi Kerajaan dan memperkukuhkan kedudukan dalam pasaran hypermarket/supermarket.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti PTSB kurang memuaskan kerana pengeluaran produk terasnya tidak mencapai sasaran dan prestasi pengeluaran yang kurang memuaskan.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Akta Syarikat 1965 dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi oleh syarikat bagi memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 telah menetapkan Lembaga Pengarah Badan

Induk/Syarikat Induk adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua dasar yang ditetapkan dan semua pekeliling kerajaan berkaitan syarikat perlu dipatuhi oleh syarikat subsidiari.

3.4.3.1. Pelantikan Juruaudit

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bertanggungjawab mengkaji prestasi audit luar dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula dan yuran tahunan firma berkenaan. Semakan Audit mendapati PTSB melantik Tetuan Mohamed Awang & Co. sebagai Juruaudit untuk menjalankan pengauditan ke atas penyata kewangan PTSB mulai pada tahun 2005. Sehingga kini, tempoh perkhidmatan Tetuan Mohamed Awang & Co. di PTSB telah menjangkau selama 9 tahun. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, Mesyuarat Agong PTSB yang bersidang pada 20 April 2013 membuat keputusan untuk meneruskan perkhidmatan Juruaudit berkenaan. Pengurusan PTSB mengambil maklum akan teguran Audit bagi mengemukakan cadangan pertukaran Juruaudit pada Mesyuarat Agong akan datang.**

3.4.3.2. Standard Operating Procedures

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati:

- a. SOP bagi pengurusan pentadbiran, aset dan rekod kewangan tidak disediakan.
- b. Manual Perakaunan yang telah digunakan sejak 1 September 1989 tidak pernah dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- c. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti dalam Skim Perkhidmatan PTSB iaitu:
 - i. Perubahan nama jawatan tidak selaras dengan carta organisasi yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 27 Mac 2011.
 - ii. Skim gaji tidak dipinda mengikut pelarasan gaji semasa berdasarkan Perintah Gaji Minimum yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 3 April 2013.
 - iii. Manfaat perkhidmatan seperti cuti, elaun, persaraan dan lain-lain tidak dikemas kini selaras dengan peraturan berkuat kuasa dan kelulusan pengurusan PTSB dari semasa ke semasa.

- d. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mengambil maklum akan teguran Audit. Tindakan pembetulan telah dan akan dibuat dari semasa ke semasa, di mana Skim Perkhidmatan yang dikemas kini telah disediakan dan diluluskan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 31 Julai 2013.**

3.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Kurang Memuaskan

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan keahlian Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan hendaklah tidak melebihi 3 orang. Dua orang ahli termasuk pengerusinya mestilah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif syarikat tersebut dan seorang lagi daripada orang luar iaitu bukan pengarah dan bukan daripada pengurusan syarikat induk berkenaan atau mana-mana syarikat subsidiari atau bersekutunya. Setiausaha bagi Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ialah Pengurus atau Pegawai Audit Dalam Agensi Induk. Semakan Audit mendapati satu pemeriksaan ke atas peraturan perakaunan dan kewangan syarikat telah dijalankan oleh Unit Audit Dalam PMINT pada 3 Mei 2011. Bagaimanapun, hasil semakan Audit mendapati beberapa kelemahan yang dikenal pasti, iaitu:

- a. Keahlian Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan PTSB terdiri daripada seorang Ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan dan Pengurus Kewangan Dan Tadbir. Bagaimanapun, pelantikan Pengarah Urusan dan Pengurus Kewangan Dan Tadbir sebagai Ahli Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah tidak selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993.
- b. Setiausaha bagi Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan merupakan seorang pegawai kanan PMINT yang bertugas di Bahagian Perundangan Dan Kuatkuasa dan bukan pengurus atau pegawai Audit dalam agensi induk.
- c. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB tidak mempunyai Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan sebagaimana kehendak pekeling sebaliknya Jawatankuasa Audit dan Kewangan yang berfungsi membantu Pengerusi mengawal dan memantau aspek kewangan syarikat. Oleh kerana tiada kelangsungan aktiviti daripada jawatankuasa ini, Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 110-3/2013 telah memutuskan untuk membubarkan jawatankuasa berkenaan. Peranan pengauditan dan pemeriksaan PTSB akan dibuat oleh Unit Audit Dalam PMINT dan segala *findings* di bentang dalam Jawatankuasa Audit PMINT dan seterusnya akan dibawa kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah PMINT. Pengurus Audit Dalam PMINT ialah setiausaha kepada jawatankuasa tersebut.**

3.4.3.4. Bayaran Dividen Dan Bonus

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan. Cadangan pembayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan Menteri Besar. Semakan Audit mendapati PTSB telah membuat bayaran bonus kepada Lembaga Pengarah dan kakitangan PTSB berjumlah RM48,258 pada tahun 2010 dan RM51,494 pada tahun 2011. Bayaran bonus ini mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PTSB tetapi tidak dibawa kepada Lembaga Pengarah PMINT dan seterusnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.
- b. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mematuhi kehendak setiap pembayaran seperti sagu hati Hari Raya dan bonus mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pengurusan PTSB juga pada kebiasaannya akan membawa cadangan pembayaran tersebut kepada Mesyuarat Agong PTSB untuk mendapat keputusan wakil korporat PMINT yang pelantikannya telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PMINT dan mendapat mandat daripada Y.A.B. Dato' Seri Pengerusi PMINT. Wakil Korporat PMINT juga pada kebiasaannya akan merujuk kepada Y. Bhg Dato' Pengurus Besar PMINT untuk mendapat pandangan dan perakuan. PTSB akur dengan teguran Audit dan memastikan tindakan pembedahan dan penambahbaikan akan dibuat.**

3.4.3.5. Pengurusan Kewangan

Peraturan berhubung pengurusan kewangan PTSB ada dinyatakan dalam Manual Perakaunan PTSB meliputi Arahan Perakaunan, Laporan Pengurusan, Belanjawan dan Carta Akaun. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

a. Kawalan Pendapatan

- i. Untuk meningkatkan kawalan dalaman pengurusan hasil, arahan secara bertulis hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat dalam urusan penerimaan wang. Semakan Audit mendapati pegawai-pegawai di Bahagian Pemasaran yang terlibat dalam urusan penerimaan wang tidak diberikan surat penurunan kuasa. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, surat kuasa bertarikh 18 Ogos 2013 telah diserahkan kepada pegawai berkenaan.**
- ii. Resit hanya boleh dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis dan tidak boleh dipinda tanpa pengesahan penyelia manakala resit yang dibatalkan

berserta salinannya hendaklah disimpan. Semakan Audit mendapati *Cash Bill* telah dipinda dan dibatalkan tanpa pengesahan penyelia. Selain itu, *Cash Bill* dibatalkan oleh pegawai yang sama yang menyediakan dan menandatangani resit. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mengambil maklum akan teguran Audit. Tindakan pembedulan dan penambahbaikan akan dibuat dan disemak dari semasa ke semasa.**

- iii. Tiada bukti menunjukkan pegawai penyelia menyemak slip bayar masuk bank selepas kemasukan ke bank bagi menentukan jumlah sebenar telah dibankkan. Selain itu, didapati kutipan jualan tunai di Bahagian Pemasaran diserahkan sebulan sekali kepada Bahagian Kewangan untuk dimasukkan ke dalam bank. Bagi tahun 2012, 11 pungutan berjumlah RM52,088 telah lewat dibankkan dengan memakan masa selama 25 hingga 35 hari. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mengambil maklum akan teguran Audit. Tindakan pembedulan dan penambahbaikan akan dibuat dan disemak dari semasa ke semasa.**

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Pembayaran yang dibuat tidak dikepilkan dengan dokumen sokongan asal dan tidak lengkap. Manakala, dokumen sokongan asal yang dikepilkan pada baucar bayaran tidak disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mengambil maklum akan teguran Audit. Tindakan pembedulan akan dibuat dan disemak dari semasa ke semasa.**
- ii. Baucar bayaran dan dokumen sokongan tidak dicop "DIBAYAR" bagi mengelakkan berlakunya bayaran berganda.
- iii. Daftar pendahuluan diri tidak diselenggara bagi menentukan bahawa pendahuluan diri diberikan mengikut had dibenarkan dan diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- iv. Semakan Audit mendapati tiada prosedur dan garis panduan perolehan secara tender dan sebut harga disediakan oleh PTSB. Beberapa perolehan kerja dan perkhidmatan tidak dibuat secara tender/sebut harga seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Perolehan Kerja Dan Perkhidmatan Tidak Dibuat Secara Tender/Sebut Harga

Bil.	Butiran Kerja/Perkhidmatan	Tarikh	Jumlah (RM)
1.	<i>Servicing and repair of two units retort.</i>	21.05.2010	136,720
2.	<i>Boiler repair and hydrostatic test Boiler Allen YGNIS model AYS 2A 800/150 PMD 5142.</i>	18.04.2011	114,060

Sumber: Fail Syarikat PTSB

- c. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mengambil maklum akan teguran Audit. Tindakan pembetulan akan dibuat dan disemak dari semasa ke semasa.**

3.4.3.6. Pengurusan Aset

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pengurusan PTSB tidak mempunyai garis panduan dan peraturan yang khusus bagi mengurus dan mengawal aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat. Antara kelemahan pengurusan aset adalah seperti berikut:

- a. Pengurusan PTSB tidak memberi kuasa secara bertulis kepada pegawai yang bertanggungjawab menguruskan aset dan inventori. Semakan mendapati urusan pendaftaran aset diselenggara oleh Kerani Akaun Kanan. Manakala rekod-rekod penyelenggaraan aset diselenggara oleh *Chargeman* dan Mekanik Kilang.
- b. Semakan terhadap 25 sampel aset/peralatan syarikat mendapati ianya telah direkodkan dalam kad harta tetap. Bagaimanapun, rekod pendaftaran tersebut didapati tidak teratur dan tidak kemas kini. Terdapat nombor siri aset/peralatan yang didaftarkan dalam Kad Harta Tetap berbeza dengan Senarai Daftar Aset yang disediakan. Semakan selanjutnya mendapati ada di antara aset/peralatan telah didaftarkan secara berulang dan satu Kad Harta Tetap digunakan untuk merekodkan peralatan yang melebihi daripada satu item.
- c. Butiran pembaikan dan penyelenggaraan aset tidak direkod dalam daftar aset kerana disimpan di dalam fail baucar bayaran.
- d. Pemeriksaan fizikal terhadap peralatan pejabat seperti komputer, laptop, kamera serta mesin/jentera dan alatan kilang tidak diberi tanda pengenalan atau dilabelkan dengan nombor siri bagi memudahkan membuat pengesanan dan pemantauan. Peralatan pejabat, mesin/jentera dan alatan kilang yang tidak dilabelkan seperti di **Gambar 3.4** hingga **Gambar 3.9**.

Gambar 3.4
Notebook Acer Aspire 4730
Tidak Dilabelkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pejabat PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 23 Mei 2013

Gambar 3.5
Video Camera Sony
Tidak Dilabelkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pejabat PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 29 Mei 2013

Gambar 3.6
Mesin Biro Meat Saw Tidak Dilabelkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kilang PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 23 Mei 2013

Gambar 3.7
Videojet-Inkjet Printer Tidak Dilabelkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kilang PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 23 Mei 2013

Gambar 3.8
Autoclave 25L Tidak Dilabelkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kilang PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 23 Mei 2013

Gambar 3.9
Electrical Chain Hoist Tidak Dilabelkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kilang PTSB, Chendering Terengganu
Tarikh: 23 Mei 2013

- e. PTSB mempunyai 4 buah kenderaan di mana 2 daripadanya dipinjamkan dari PMINT. Semakan mendapati PTSB ada menyediakan buku log bagi kenderaan TAB633 dan daftar penggunaan kenderaan. Bagaimanapun, buku log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini manakala butiran perjalanan, penggunaan bahan api dan kelulusan pegawai tidak di rekod dalam daftar penggunaan kenderaan. Manakala 2 kenderaan PTSB tidak diletak tanda/logo pengenalan syarikat bagi menunjukkan hak milik PTSB. **Berdasarkan maklum balas PTSB bertarikh 10 September 2013, PTSB mengambil maklum akan teguran Audit. Tindakan pembetulan akan dibuat dan disemak dari semasa ke semasa.**

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam aspek kawalan pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan aset.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan adalah disyorkan supaya pengurusan Pertama Terengganu Sdn. Bhd. (PTSB) mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Meningkatkan pengeluaran dan mempelbagaikan produk bagi meningkatkan pendapatan.

3.5.2. Mempertingkatkan aktiviti promosi dan pemasaran secara menyeluruh dan mempelbagaikan kaedah promosi bagi tujuan meningkatkan penjualan supaya dapat meningkatkan pendapatan dan keuntungan syarikat.

3.5.3. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

3.5.4. Mengemas kini dan mematuhi prosedur kerja sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

3.5.5. Membuat penyeliaan dan pemantauan terhadap perkara-perkara berkaitan tadbir urus pengurusan kewangan terutamanya aspek kawalan pendapatan dan kawalan perbelanjaan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

3 Oktober 2013



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2013
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
PNMB Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my